



LAPORAN TAHUNAN




POLITEKNIK NILAI



ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN



TINTA PENGARAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan izinNya Buku Laporan Tahunan 2016 dapat diterbitkan untuk rujukan semua pihak. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Sidang Redaksi yang berjaya menerbitkannya serta seluruh warga PNS yang turut meyumbang tenaga untuk menghasilkan Laporan Tahunan 2016 yang merupakan koleksi laporan merangkumi aktiviti, program serta kejayaan yang ditempuhi oleh PNS sepanjang tahun 2016. Saya yakin Laporan Tahunan 2016 ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak sebagai sumber rujukan yang penting.

Secara keseluruhannya Tahun 2016 memperlihatkan PNS meraih pencapaian yang membanggakan dalam pelbagai aspek termasuk akademik, sukan, keusahawanan, kolaborasi, inovasi dan pengantarabangsaan. Pelajar kita telah merangkul pingat kejayaan dalam pelbagai pertandingan sukan baik di peringkat nasional maupun di peringkat antarabangsa. Pencapaian pelajar Politeknik Nilai dalam sukan Taekwondo, sebagai contohnya telah mengharumkan nama politeknik Nilai di pentas antarabangsa. Pencapaian yang memberangsangkan juga telah dicapai oleh peserta politeknik Nilai dalam pertandingan lain seperti KIK, Polyskill dan Pertandingan Debat pelaburan Antarabangsa. Warga Politeknik Nilai juga telah menerima pengiktirafan yang membanggakan seperti memenangi anugerah seperti Anugerah Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik (AKEP) dan Anugerah Pengurus Pasukan terbaik Malaysia.

Politeknik Nilai juga telah mengambil inisiatif untuk menjalin kolaborasi dengan pihak industri serta institusi pendidikan lain. Sesungguhnya jaringan yang kukuh antara politeknik dan pihak industri serta institusi lain adalah penting untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan politeknik. Pengantarabangsaan yang merupakan salah satu agenda utama politeknik turut dipergiatkan pada tahun 2016. Kejohanan Taekwondo Jemputan TM(WTF)-NSC-MILO-SPORTEXCEL Antarabangsa 2016 yang telah dianjurkan oleh Politeknik Nilai dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah berjaya melibatkan ramai peserta luar negara. Di samping itu, politeknik Nilai juga turut menarik minat beberapa institusi luar negara dan juga tempatan untuk dijadikan pusat rujukan dan perkongsian maklumat.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga PNS atas kesungguhan melaksanakan semua program dan aktiviti yang telah dirancang walaupun dikekangi tugas hakiki. Tidak dilupakan juga pelajar PNS yang melibatkan diri dalam program yang dianjurkan dan berusaha mencapai prestasi yang baik. Walaubagaimanapun, kita tidak boleh leka dengan pencapaian semasa kerana masih ada ruang untuk penambahbaikan dan diharapkan pencapaian yang lebih cemerlang akan dikecapi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih

TINTA PENGARAH

Secara keseluruhannya Tahun 2016 memperlihatkan PNS meraih pencapaian yang membanggakan dalam pelbagai aspek termasuk akademik, sukan, keusahawanan, kolaborasi, inovasi dan pengantarabangsaan. Pelajar kita telah merangkul pingat kejayaan dalam pelbagai pertandingan sukan baik di peringkat nasional maupun di peringkat antarabangsa.



Lt. Kol Bersekutu (PA) Mohamad Amin Bin Hamat
Pengarah Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

PRA WACANA

Terlebih dahulu dipanjatkan rasa syukur kepada Ilahi kerana dengan limpah kurnianya Laporan Tahunan 2016 telah diterbitkan dengan jayanya. Sidang redaksi Buku Laporan Tahunan 2016 merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan samada secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan Laporan Tahunan 2016 yang merupakan kompilasi maklumat berkaitan aktiviti dan peristiwa yang berlaku serta pencapaian dan kejayaan yang dikecapi oleh Politeknik Nilai spanjang tahun 2016. Semoga kejayaaan yang telah kita perolehi sepanjang tahun 2016 akan terus kekal cemerlang.

Kami percaya segala aktiviti dan peristiwa yang terkandung dalam Laporan Tahunan 2016 ini pastinya akan menjadi wadah kepada para pembaca bagi mengetahui perkembangan dan kemajuan Politeknik Nilai khususnya bagi tahun 2016. Akhir kata, kami berharap Laporan Tahunan 2016 ini menjadi sumber rujukan boleh dimanfaatkan oleh semua pihak.



FALSAFAH KORPORAT

VISI MISI JABATAN PENDIDIKAN

VISI

- Menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri

MISI

- Menyediakan akses kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf
- Membangunkan kurikulum yang dipimpin industri dan meningkatkan kesediaan graduan melalui penglibatan industri yang diselaraskan
- Menghasilkan graduan yang seimbang dan berdaya keusahawanan melalui program pengajian yang dinamik dan mampu
- Mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui kerjasama dan penyertaan aktif dalam komuniti TVET

VISI MISI POLITEKNIK NILAI NEGERI SEMBILAN

VISI

- Menjadi institusi TVET dan pusat teknologi Bio-industri yang dipacu industri menjelang 2020.

MISI

- Menyediakan Pendidikan dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) berpaksikan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan penyelidikan bagi melahirkan graduan yang berkualiti, holistik, berciri keusahawanan serta beriltizam membangunkan negara.

MOTO

- Melestari TVET berkualiti



LATAR BELAKANG

Politeknik Nilai (PNS), Negeri Sembilan adalah politeknik yang ke- 23 ditubuhkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada 1 April 2007 di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. PNS mula beroperasi di kampus sementara dengan pengambilan pertama pelajar pada Disember 2008.

Program yang ditawarkan di PNS ialah:

- Diploma Pengajian Perniagaan (e-Commerce)
- Diploma Kewangan dan Perbankan Islam
- Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan
- Diploma Pengurusan Peruncitan
- Diploma Kejuruteraan Mekanikal
- Diploma Kejuruteraan Mekatronik
- Diploma Lanskap Hortikultur
- Diploma Bioteknologi

PIAGAM PELANGGAN



- Proses Audit Kualiti Dalaman dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun
- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan(KSP) dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun
- Keperluan pengurusan akreditasi program-program di PNS disemak sekurang-kurangnya sekali dalam satu kitaran pengajian
- Memastikan status siasatan maklumbalas pelanggan yang berkaitan dengan perkhidmatan pemberian pendidikan dan perkhidmatan lain yang berkaitan dikendalikan dalam masa 10 hari bekerja
- Mengadakan sekurang-kurangnya SATU(1) sesi dialog setiap tahun dengan pihak industri dan agensi berkenaan.






FAKTA BERNOMBOR

STATISTIK STAF




KELAYAKAN AKADEMIK PENSYARAH

■ PHD ■ SARJANA ■ IJAZAH PERTAMA ■ DIPLOMA



GRED JAWATAN PENSYARAH

- DH53/54
- DH51/52
- DH47/48
- DH43/44
- DH41/42
- DH33/34
- DH31/32



KELAYAKAN PROFESIONAL PENSYARAH

Professional Industrial Certification Programme - CILT	09
Chartered Islamic Finance Professional	02
Takaful Based Examination	01
Fundamentals Certification In Islamic Banking And Finance	01
Islamic Financial Planner Certification Program	03
Islamic Financial Wealth Management	01
Sijil Tinggi Muamalat	04
Green Tech Compliance	02
ARBORIST	02
Autodesk Certified Professional: Revit Architecture	01
Certified Environment Professional	01
Inventor 2015 Professional Certification	09
AUTOCAD 2011 Certified Associate	01
Certified Instructor Trainer (ITQ)	01
FESTECH: Advanced Manufacturing Automation System	02

KEANGGOTAAN BADAN PROFESIONAL

Institute Landscape Architects
Of Malaysia - ILAM 08

Majlis Rekabentuk Malaysia -
MRM 10

Persatuan Sains Hortikultur
Malaysia 01

Institute Of Engineers
Malaysia - IEM 01

Lembaga Jurutera Malaysia 02

Persatuan Arborist Malaysia -
PArM 03

Malaysian Institute Of Food
Technology 01

Chartered Member Of The
Chartered Institute Of Logistic
And Transport (CMIILT) 10

Chartered Institute Of Islamic
Finance Professional 03

Malaysian Institute
Of Human Resource
Management(MIHRM) 01

Malaysian Society For
Engineering And Technology 02

Malaysian Tribology Society
(MYTRIBOS) 01

Malaysian Society for
Engineering and Technology
(Mset) 01

Malaysian Institute Of Food
Technology 01

Institut Alam Sekitar Malaysia 01

PENGAMBILAN PELAJAR



DIS 2015


JUN 2016

46	Diploma Pengajian Perniagaan (e-Dagang)	56
45	Diploma Kewangan dan Perbankan Islam	56
44	Diploma Logistik dan Pengurusan Rangkaian Bekalan	53
42	Diploma Pengurusan Peruncitan	51
18	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	163
-	Diploma Kejuruteraan Mekatronik	68
20	Diploma Bioteknologi	66
34	Diploma Hortikultur dan Lanskap	83
24	Pra- Diploma Perdagangan	56
21	Pra-Diploma Sains	-


STATISTIK PELAJAR

Enrolmen pelajar bagi tahun 2016


■ LELAKI ■ PEREMPUAN




Jumlah pelajar mengikut program bagi tahun 2016



Graduan bagi tahun 2016




Bilangan pelajar latihan industri bagi tahun 2016




KEPUTUSAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI

Keputusan LI Sesi Disember 2015



Keputusan LI Sesi Jun 2016



PROGRAM PROGRAM DIPLOMA DAN SIJIL

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

DKM

The Diploma in Mechanical Engineering graduates from Polytechnics, Ministry of Education Malaysia will have the knowledge, technical skills, softskills and attitude to adapt themselves with new technological advancement and challenges in the mechanical engineering field.

JABATAN PERDAGANGAN

DIB

Graduates with Diploma in Islamic Banking and Finance from polytechnics, Ministry of Higher Education will possess the knowledge, operational skills, soft skills and attitudes that enable them to produce human capital that are well-versed in the principles and concept of Islamic Banking.

DEC

The Diploma in Business Studies (E-Commerce) graduates from polytechnics, Ministry of Higher Education will have knowledge, technical skills and attitude to adapt themselves with new technological advancement and challenges in E-Commerce fields.

DLS

Diploma in Logistics and Supply Chain Management graduates will be able to apply fundamental, current knowledge and skills for effective logistics management with the right professional attitudes and ethics in their future career.

DRM

Diploma in Retail Management enables graduates to fulfill the demand in the retailing sectors in order to identify the needs and wants of discerning consumers. Graduates will be compliant with the technologies which enable them to run retail business and perform efficiently in managing wholly owned retail store

IPP

The Pre-Diploma programmes enable students who do not meet the minimum requirements for diploma courses pursue diploma programmes after completion of the pre-diploma programmes.

JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI

DBT

Diploma in Biotechnology graduates from Polytechnics, Ministry of Higher Education will have knowledge, technical skills and attitude to adapt themselves with new technological advancement and challenges in Biotechnology.

DLH

Diploma in Landscape Horticulture graduates from Polytechnics, Ministry of Education Malaysia will have knowledge, technical skills and attitude to adapt themselves with new technological advancement and challenges in Landscape Horticulture.


JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER

IPS

The Pre-Diploma programmes enable students who do not meet the minimum requirements for diploma courses pursue diploma programmes after completion of the pre-diploma programmes

KEBOLEHPASARAN PELAJAR

2016



LAPORAN KEWANGAN DAN AKAUN AMANAH


Penyata peruntukan dan perbelanjaan bagi tahunan 2016

KOS	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)
Kos operasi	16,124,334.43	15,935,915.05
Kos pembangunan	190,565.00	187,530.57

Penyata hasil bagi tahun 2016

Hasil	RM 371,416.55
Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	RM139,337.95
Sewaan	RM 66,030.00
Lain-lain (kenderaan)	RM 600.00

Prestasi pembayaran bil bagi tahun 2016



PUSAT SUMBER

SENARAI BAHAN RUJUKAN PUSAT SUMBER MENGIKUT SUBJEK

Subjek Kelas	Keterangan	Judul	Naskah
A	General Works	16	72
B	Philosophy. Psychology. Religion	645	4,590
C-D	History	98	635
E-F	History of the Americas	5	25
G	Geography. Anthropology. Recreation	31	56
H	Social Sciences	1,664	6,352
J	Political Science	26	177
K	Law	192	1,679
L	Education	198	502
M	Music and Books on Music	1	1
N	Fine Arts	71	152
P	Language and Literature	466	2,042
Q	Science	520	1,822
R	Medicine	34	98
S	Agriculture	231	506
T	Technology	778	2,219
U	Military Science	1	3
Z	Bibliography. Library Science. Information Resources (General)	22	97
Jumlah		4,999	21,028



TADBIR URUS KORPORAT

PENGURUSAN TERTINGGI PNS

PENGARAH

- LT. KOL BERSEKUTU (PA) HAJI MOHAMAD AMIN BIN HAMAT

TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK

- DR SITI JUNAIDAH BINTI M. MUJIR

TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK

- MOHAMAD ISA BIN AZHARI

PENOLONG PEGAWAI TADBIR TINGGI

- HAZIMAH BINTI HASAN

KETUA JABATAN PERDAGANGAN

- ROKIAH BINTI OMAR

KETUA JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI

- MD MARZUKEE BIN YUSOF

KETUA JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

- FARIDAH BINTI SUBOH

KETUA JABATAN PENGAJIAN AM

- MEGAT AHMAD MURAD BIN MEGAT BAHRUDDIN

KETUA JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER

- NOR LIZA BINTI KASSIM

KETUA JABATAN HAL EHWAH PELAJAR

- NZAMUDDIN BIN AHMAD RAZALI

KETUA UNIT SUKAN KOKURIKULUM & KEBUDAYAAN

- KAMALIAH HANIM BINTI SAMHUDI KAMIL-

KETUA PUSAT INDUSTRI KORPORAT DAN KEBOLIHEPASARAN GRADUAN (CISEC)

- MOHAMAD ISA BIN AZHARI

KETUA PUSAT PENYEUDIKAN DAN INOVASI

- DR HALIMAH BINTI CHE HASSAN

KETUA PUSAT KEUSAHAWAANAN

- HAJAH MEGAWATI BINTI MOHD YASSIN

KETUA UNIT PERGURUAN DAN PSIKOLOGI

- NORHAMIZA BINTI JUSOH@MOHN NOR

KETUA UNIT PEPERIKSAAN

- SARRUNNIDA BINTI AHMAD ZAINE

KETUA UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN

- ZAITON BINTI YUSOK

KETUA UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI

- YUSRITA BINTI YUSEOP

KETUA UNIT JAMINAN KUALITI

- QUYRUL ZETA BINTI ISHAK

KETUA UNIT INSTRUSIONAL DAN MULTIMEDIA

- SYAHRULAZMIN BIN SARMIN

KETUA UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

- ZAINON BINTI ABDULLAH

KETUA UNIT PEMBANGUNAN DAN PENYELENGARAAN

- NOR SHAHRIZAL BIN KATABE

KETUA UNIT PENERBITAN

- AZALINDA BINTI MAT SAAD

KETUA UNIT PUSAT SUMBER

- NORAZEAN BINTI OTHMAN

KETUA UNIT PENGURUSAN ASET

- AMIR AFUAN BIN NORDIN

KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- DR MOHD ZUHIR BIN ABDUL RAHMAN

KETUA WARDEN

- MOHD NAZRULAZLAN BIN ABD RASID

KETUA PUSAT ISLAM

- MOHD KHAIRIL BIN ZAINAL ABDIN

PENGURUS ASRAMA

- ROSHAYATI BINTI MOHAMED ROSLY

KETUA UNIT E-PEMBELAJARAN

- ZAUyah BINTI AZMAN



JEJAK KEJAYAAN

SUKAN

Pasukan bola jaring Negeri Sembilan yang terdiri daripada pelajar PNS dan Politeknik Port Dickson mendapat tempat keempat di dalam Kejohanan Liga Bola Jaring IPT 2016.



Pasukan futsal PNS mendapat tempat pertama dalam Kejohanan Futsal Jemputan Terbuka USIM 2016



Pasukan futsal PNS mendapat tempat pertama bagi kejohanan futsal jemputan terbuka usim 2016



Johan perseorangan lelaki dan johan double lelaki di Kejohanan Ping Pong Jemputan Tertutup Politeknik Port Dickson



Memenangi tempat ketiga bagi kategori single wanita di Sirkit Persatuan Petanque Negeri Sembilan PEPNES



INOVASI




Pasukan mekatronik PNS telah berjaya menduduki tempat kedua dan keempat di Polyskills 2016 bagi bidang mekatronik



Encik Panneer A/L Indiran memenangi Anugerah Pengurus Pasukan Terbaik Malaysia di Malam Majlis Anugerah Gemilang Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri, KPT



PNS berjaya merangkul tiga pingat bagi projek akhir pelajar. Pingat emas diperolehi bagi projek *Development of Mushroom-based Film from Waste and Its Role In Mycoremediation*, manakala dua pingat perak bagi projek *Effect of Soy Waste Compost on Chicken as Chicken Feed* dan *Production of 100% Natural Lip Balm from Natural Dyes*.



KEUSAHAWANAN



Samsol Bahari bin Hamdan, Diploma Landscape dan Hortikultur, Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri

Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik (AKEPP 2015)
21 April 2016 di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai Negeri Sembilan



Johan Anugerah Kecemerlangan Keusahawanan



JALINAN INDUSTRI

KOLABORASI POLITEKNIK NILAI 2016

Majlis menandatangani nota persefahaman di antara Politeknik Nilai dengan
The Chartered Institute of Logistics & Transport in Malaysia (CILTM)



Pada 16 Februari 2016, Politeknik Nilai telah mengadakan Majlis Menandatangani Nota Kerjasama di antara Politeknik Nilai dan The Chartered Institute Of Logistics & Transport In Malaysia (CILTM). Dengan menandatangani Nota Persefahaman itu juga, secara rasminya Politeknik Nilai telah ditauliahkan sebagai "Authorized Training Center" oleh The Chartered Institute of Logistics and Transport bagi kursus professional jangka pendek untuk bidang logistik. Perasmian ini telah dilaksanakan oleh Presiden CILTM iaitu Dato' Abd Radzak Bin Abd Malek. Kursus ini terbuka kepada semua termasuk pelajar dan pekerja industri yang ingin meningkatkan pengetahuan

dan kemahiran dalam bidang logistik, pengurusan rangkaian bekalan dan pengangkutan. Sijil kursus akan dikeluarkan oleh pihak CILTM dan diiktiraf di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Nota persefahaman ini juga bertujuan untuk mewujudkan hubungan dan kerjasama strategik di antara Politeknik Nilai Negeri Sembilan dan The Chartered Institute of Logistics & Transport in Malaysia (CILTM) dalam membangunkan program-program kolaboratif bagi mengukuhkan kemahiran dan pembangunan intelektual khususnya dalam Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional (TVET).



PNS dan CILTM bersetuju untuk bergabung usaha berlandaskan perkongsian pintar dalam perkara-perkara berikut:

1. Khidmat nasihat dan bimbingan kepada pelajar dan pensyarah dalam bidang logistik dan rangkaian bekalan
2. Kepakaran dan maklumat bagi membangunkan bidang logistik dan rangkaian bekalan.
3. Penghasilkan penyelidikan dan inovasi dalam bidang logistik dan rangkaian bekalan.
4. Pelaksanakan aktiviti-aktiviti Program Pembelajaran Sepanjang Hayat.
5. Perkongsian fasiliti dan pusat sumber dan lain-lain kemudahan dari semasa ke semasa tertakluk kepada terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
6. Penempatan Program Latihan Industri Pelajar, Latihan Sangkutan Industri Pensyarah .
7. Lain-lain bentuk kerjasama dalam bidang TVET yang dipersetujui.



Di samping pelancaran Politeknik Nilai sebagai "Authorized Training Centre", turut diadakan juga "DLS Day" yang melibatkan seramai 340 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar DLS daripada Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Politeknik Metro Johor Bahru (PMJB) dan Politeknik Seberang Perai (PSP). Aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada hari berkenaan termasuklah Seminar Logistik yang bertajuk "Be a Logistician Expert" yang disampaikan oleh Puan Hajah Zawiyah Abdul Majid daripada *The Chartered Institute of Logistics & Transport Malaysia (CILTM)* dan konsultan kanan, Mr. R.Siva yang menerangkan tentang isu "Green Logistics". Aktiviti riadah juga dijalankan seperti *Adventurous Explorace* yang bertujuan untuk membentuk semangat kerjasama dalam pasukan antara semua warga DLS. Pameran hasil rekabentuk gudang yang bertemakan "21st Century Warehouse" turut diadakan. Hasil rekaan gudang yang terbaik menyertai pertandingan rekabentuk gudang di Politeknik Metro Johor Bahru pada 28 & 29 Februari 2016. Pada 11 November seramai 25 warga PNS yang terdiri daripada 18 orang pelajar dan 6 orang pensyarah menghadiri *National Symposium on Logistics and Transport, Taxi & Uberisation* anjuran CILTM di Universiti Pertahanan National Malaysia bagi mempertingkatkan pengetahuan serta menjalin kolaborasi yang erat dengan CILTM.

MAJLIS MENANDATANGANI NOTA PERSEFAHAMAN DI ANTARA POLITEKNIK NILAI DAN INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY & COLLEGES



Pada 16 Februari 2016 juga berlangsung Majlis menandatangani perjanjian persefahaman (Letter of Intent) antara PNS dan INTI International University & Colleges di INTI IU Nilai . Kolaborasi ini dapat memberi peluang kepada pelajar PNS melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di INTI IU dengan pengecualian kredit kepada lulusan Program Diploma Biotechnology. Fasa berikutnya akan disusuli oleh lulusan Perdagangan dan Kejuruteraan. Majlis telah disaksikan oleh Tuan Haji Mohd Ghaus bin Ab Kadir, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi pihak PNS manakala YBhg Dato' Dr Prof Rahmah Mohamed, Vice Chancellor, INTI International University mewakili INTI IU.

LOI ditandatangani oleh pengarah Politeknik Nilai Lt. Kol Bersekutu (PA) Hj Mohamad Amin bin Hamat memeterai bagi pihak PNS manakala Mr Rohit Sharma, Chief Executive Officer INTI Universal Holdings Sdn Bhd bagi pihak INITI IU. Perjanjian persefahaman ini bertujuan untuk mewujudkan hubungan dan kerjasama strategik di antara dua pihak dalam membangunkan program-program kolaboratif dan pembangunan intelektual antaranya,:

1. Mempromosikan artikulasi, di antara program yang berkenaan dari kedua pihak agar membolehkan pelajar Diploma PNS mengikuti kursus ijazah INTI yang telah dipersetujui dengan pengecualian kredit.
2. Mempromosi dan memperkembangkan penggunaan Bahasa Inggeris kepada pelajar PNS melalui program INTI Laureate English Language Program (LEP) yang mampu mempertingkatkan penggunaan Bahasa Inggeris khususnya penggunaan '*English for specific professional purposes*' di industri.
3. Mempromosi dan berkongsi pengalaman INTI di dalam mempertingkatkan daya saing dan peluang pekerjaan kepada pelajar PNS.
4. Mempromosi pengalaman pengantarabangsaan kepada pelajar PNS melalui pelbagai peluang dan program yang sedia ada di INTI di bawah jaringan '*Laureate International Universities*'.
5. Mempromosi persefahaman dan kolaborasi akademik agar membolehkan PNS menghasilkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak industri terkini.
6. Bekerjasama ke arah halatuju bagi merasmikan persefahaman ini sebagai suatu perjanjian rasmi dimasa hadapan.





POLITEKNIK dan INTI komited untuk bekerjasama membangunkan perjanjian terperinci di atas yang mana merupakan kolaborasi pertama antara politeknik Malaysia dengan universiti swasta. Menurut Mr Rohit Sharma, bergelar pelajar INTI akan memberi peluang kerjaya yang lebih luas kerana INTI berkerja dengan lebih 400 organisasi tempatan dan multinational dan pelajar akan bekerja dalam suasana perniagaan sebenar semasa latihan praktikal. Rakan kongsi INTI dengan Laureate Universities Network akan memberi akses sumber antarabangsa dan pengalaman yang berbeza berbanding "job-seekers" yang lain.

Dr Prof Rahmah Mohamed pula berkata perkongsian INTI dengan universiti antarabangsa membolehkan pelajar menimba sumber antarabangsa dari seluruh dunia dan mempelajarinya dari fakulti tempatan juga antarabangsa.

Hj Mohd Ghaus Ab Kadir dengan bangga menyaksikan pemeteraian yang pertama seumpama ini di antara politeknik Malaysia dengan universiti swasta yang "*established*" dan mengharapkan agar persefahaman ini dapat meningkatkan perkongsian kepakaran dan sumber antara PNS dan INTI IU. Hasrat ini boleh dilaksanakan antara pelajar dan staf seterusnya mampu menyelesai masalah yang dihadapi oleh pihak industri dan masyarakat selain pembangunan program yang berkenaan seperti Bioteknologi yang menjadi "niche area" PNS dan membangunkan COT (Center of Technology) PNS.



MAJLIS MENANDATANGANI NOTA PERSEFAHAMAN DI ANTARA POLITEKNIK NILAI DAN TIMUR AUTOMATION ENGINEERING SDN BHD, MYDIN MOHAMED HOLDINGS BHD, ENRICH FOCUS SDN BHD, LOTUS DESIGN & SERVICES, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DAN SCOPE RESEARCH & TRAINING CONSULTANCY (SCOPERT)




Pada 7 September 2016, Majlis menandatangani perjanjian persefahaman dan kerjasama strategik antara PNS dan pihak industri bagi membangunkan program-program kolaboratif serta pembangunan intelektual telah disempurnakan secara ringkas di Everly Hotel Putrajaya.

Majlis kolaborasi ini telah disaksikan oleh Tuan Haji Mohd Ghaus bin Ab Kadir, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Pendidikan Politeknik bersama dengan En Tung Chee Kuan, Pengarah Bahagian Hubungan Industri dan Kebolehpasaran, Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perjanjian ini telah ditandatangani oleh pengarah Politeknik Nilai Lt. Kol (PA) Tn Hj Mohamad Amin bin Hamat yang memeterai bagi pihak PNS manakala pihak industri diwakili oleh Pengarah Urusan industri terlibat iaitu Hajah Zawanah Binti Muhammad dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), En Kanapathy A/L Ganajoo dari Mydin Mohamed Holdings Bhd, Pn Maznah Binti Ariffin dari Enrich Focus Sdn Bhd, Lar. Kamalludin Bin Bilal dari Lotus Design & Services, En Nasrizal Bin Mohd Noor dari Timur Automation Engineering Sdn. Bhd. dan En Nor Azaruddin Husni bin Hj Nuruddin dari Scope Research & Training Consultancy (SCOPERT).

Enam industri / organisasi yang terlibat adalah berkait dengan bidang pengkhususan program yang ditawarkan di Politeknik Nilai seperti Lotus Design & Services dan Enrich Focus Sdn Bhd adalah khusus untuk program Diploma Landskap Hortikultur (DLH), Timur Automation Engineering Sdn. Bhd untuk Program Diploma Kejuruteraan Mekatronik (DEM), Mydin Mohamed Holdings Bhd. untuk program Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM) manakala SCOPERT dan JAKIM mempunyai manfaat yang lebih meluas kepada semua pelajar dan staf PNS bersesuaian dengan aktiviti yang dirancang.



AKADEMIA

PNS komited dalam mewujudkan persekitaran pendidikan yang seimbang dan cemerlang dari aspek teoritikal dan praktikal. Bagi mencapai matlamat ini, tahun 2016 telah menyaksikan pelbagai aktiviti dan program telah dianjurkan untuk memastikan pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Selain daripada usaha yang berterusan memperbaiki proses atau prosedur sedia ada untuk sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Gabungan pelbagai jabatan akademik (Jabatan Perdagangan, Jabatan Mekanikal dan Jabatan Agroteknologi) mengembeling usaha ke arah kemantapan

Kursus Professional Chartered Institute of Logistics And Transport (CILT)

19hb – 21 Mac 2016 dan 26hb - 28hb Mac 2016



Kursus ini ditawarkan bagi pelajar semester 5 dan 6 bertujuan untuk memberi pendedahan dan nilai tambah kepada pelajar Diploma Logistik dan Rangkaian Bekalan mengenai bidang logistik dan pengangkutan di industri. Pelajaryang menyertai kursus ini akan diberikan sijil yang diiktiraf dan diluluskan oleh badan profesional antarabangsa iaitu Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT) Malaysia.

Selain daripada itu, untuk pemantapan ilmu dan kemahiran pelajar, satu seminar berkaitan Pengurusan Barang Berbahaya juga telah dianjurkan. Seminar ini telah dilaksanakan pada 19hb – 20hb April 2016 di Politeknik Nilai dan telah disampaikan oleh Pengurus Kanan, Training and Operation Department, DGM Support (Malaysia) Sdn Bhd. Seminar ini mampu memberi kemahiran dan pengalaman yang berguna kepada pelajar untuk lebih memahami apa yang mereka bakal hadapi semasa penglibatan mereka di industri pada masa hadapan. Melalui seminar ini juga, pelajar mendapat sijil berkaitan pengangkutan dan pengendalian barang serta bahan berbahaya di gudang. Skop seminar adalah seperti berikut;

- Topik 1 : Introduction to International Legislation on Dangerous Goods
- Topik 2 : Packing Requirements, Inspection and Testing
- Topik 3 : Classification of Dangerous Goods
- Topik 4 : Marking, Labeling, Documentation, Stowage and Segregation
- Topik 5 : Radioactive Materials

"Focus Group Dialogue: Academia-Industry Collaboration Towards Strategic Sustainable Partnership In Retailing"

07 September 2016, Hotel Everly, Putrajaya.

Ke arah memantapkan jalinan program bersama industri agar sejajar dengan perkembangan terkini, seminar dan dialog bersama industri telah dilaksanakan. Seminar ini telah dianjurkan dengan kerjasama antara Bahagian Hubungan Industri dan Kebolehpasaran (BHIP) dan Politeknik Nilai serta dibantu oleh Politeknik METro Kuala Lumpur. Seminar ini adalah berkaitan "Focus group dialogue: academia-industry collaboration towards strategic sustainable partnership in retailing".



Seramai 100 orang peserta telah mengambil bahagian yang terdiri daripada Malaysia Retail Chain Association (MRCA), industri yang terlibat dalam bidang peruncitan, Jabatan Pengajian Politeknik dan Politeknik Nilai, Politeknik METro Kuala Lumpur, Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Sultan Azlan Shah. Seminar ini melibatkan dua pembentangan dari pihak industri dan satu pembentangan dari politeknik.



Pembentangan :

- 1: 'Retailing Outlook & Challenges – Impact on Talent Needs' disampaikan oleh Dato' Bruce Lim, Timbalan Ketua Setiausaha, MRCA
- 2: 'Entrepreneurship in Retail Industry: Franchising' disampaikan oleh YBhg. Dato' Liew Bin, Timbalan Presiden, Malaysia Retail Chain Association (MRCA)
- 3: 'Partnering Industries, Engaging Employers, Empowering Talents' disampaikan oleh Mr. Tung Chee Kuan, Pengarah Bahagian Hubungan Industri dan Kebolehpasaran (BHIP)

Selain itu, sesi dialog antara panelis turut dilakukan yang melibatkan Timbalan Ketua Pengarah JPP, wakil MRCA, AEON, MPH dan Mydin Holding Bhd.



Lawatan Industri ke Home Product Center (M) Sdn. Bhd. , IOI City Mall, Putrajaya. 20 September 2016

Bagi melahirkan graduan yang mampu memenuhi kriteria yang diperlukan oleh industri, pengajaran dan pembelajaran harus seiring dengan persekitaran industri. Lawatan industri ke syarikat peruncitan iaitu HomePro Sdn Bhd dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang persekitaran industri peruncitan serta memberi gambaran yang jelas kepada pelajar tentang pelaksanaan khidmat pelanggan yang dilaksanakan oleh sesebuah industri. Seramai 37 orang pelajar daripada DRM 2A dan 2 orang pensyarah pengiring iaitu Puan Nor Haziah Binti Hussin dan Puan Jerina Binti Ibrahim telah mengikuti lawatan ini. Kumpulan lawatan telah diberi penerangan oleh Puan Rohashima Binti Ramli berkaitan operasi HomePro dan dibawa melawat persekitaran industri untuk melihat secara jelas bagaimana operasi peruncitan dilakukan. Dengan lawatan ini pelajar dapat pengetahuan tentang teknik atau kaedah yang dilaksanakan oleh industri dalam memenuhi kepuasan pengguna terutamanya berkaitan dengan perkhidmatan yang terbaik. Selain itu, kepakaran daripada industri dapat dikongsi kepada pelajar dan pensyarah. Daripada apa yang dilaksanakan oleh industri, pelajar juga boleh mendapat idea bagaimana untuk mengendalikan perkhidmatan pelanggan yang baik serta dapat diaplikasikan dalam pembelajaran serta dilaksanakan di bilik simulasi peruncitan. Lawatan ini juga membuka peluang kepada pelajar membuat latihan industri dan kerjasama bersama industri untuk masa akan datang.

Debat Pelaburan Peringkat Kebangsaan 2016, 1 Mac 2016



Seramai 6 orang pelajar dari Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam iaitu Alif Faisal Azmi, Nur Naslim Mohd Yunus, Nabilah Abd Razak, Halida Karim, Muhammad Mirza Abd Hadhi, Nurul Farieza Md Sharuddin dan Nur Hazirah Muhammad Yaqub telah menyertai pertandingan Debat Pelaburan Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru (PIS) dan memenangi tempat ketiga. Pertandingan ini disertai oleh pelajar-pelajar dari politeknik seluruh Malaysia dan luar negara termasuk Politeknik Nilai (PNS), Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Politeknik Seberang Perai (PSP), Politeknik METR0 Johor Bahru (PMJB) dan Singapore Polytechnic (SP). PNS telah memenangi tempat ke-3 daripada 16 kumpulan yang bertanding. Pertandingan ini mendedahkan pelajar dengan informasi pelaburan Islam dengan lebih mendalam dan meningkatkan tahap keyakinan pelajar itu sendiri.





Hari Pelaburan, 7 Oktober 2016



Program yang telah dianjurkan sepenuhnya oleh pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar untuk menguruskan aktiviti pelaburan serta memberi pendedahan berkenaan langkah-langkah, jenis-jenis saham yang boleh diaplikasikan dalam sistem pelaburan di Malaysia. Penceramah yang dijemput bagi menjayakan program ini adalah Encik Warren Mark dari Bursa Malaysia, Encik Ahyat Ishak, pakar pelaburan harta tanah berpengaruh di Malaysia serta pakar-pakar lain daripada RHB Investment Bank, OCBC Bank dan Prudential BSN.





Seminar Kesedaran Keselamatan Penggunaan Internet, 9 Mac 2016

Seminar ini dianjurkan oleh program Diploma Pengajian Perniagaan (E-Dagang) dengan menjemput tiga orang penceramah iaitu Encik Aaron Mokhtar dari syarikat Cyber Security Malaysia dengan tajuk, 'Wifi Threats' dan , En Khairul Amin Bin Abd Rashid dari Communication and Multimedia Content Forum (CMCF) dengan tajuk Kod Penggunaan dan Encik Mohd Saufi Bin Sujono (CMCF) bertajuk Etika Penggunaan Internet. Seramai 275 orang pelajar dari Diploma Pengurusan Perniagaan (E-Dagang) dan beberapa orang pensyarah menghadiri seminar ini dengan jayanya. Seminar ini bertujuan untuk memberi kesedaran berkenaan kepentingan aspek keselamatan terutama penyimpanan maklumat yang selamat. Peserta juga mampu menghubungkait ilmu di dalam kelas mengenai ancaman perniagaan dalam talian berdasarkan beberapa contoh jenayah siber yang didedahkan. Seminar ini juga memberi pendedahan kepada peserta mengenai peraturan penghasilan maklumat atau pengiklanan digital mengikut kod kandungan yang ditetapkan oleh pihak CMCF.



Pembelajaran Sepanjang Hayat - Kursus Microsoft Word Intermediate 07 – 08 Mei 2016 dan 21 Mei 2016



Dalam memastikan pembelajaran yang berterusan, program Diploma Pengurusan Perniagaan (E-Dagang) telah melaksanakan Kursus Microsoft Word Intermediate yang disertai seramai 202 orang peserta, 9 orang tenaga pengajar kursus tersebut. Kursus ini dijalankan di Makmal Komunikasi, Makmal Multimedia dan Makmal Pengaturcaraan di Jabatan Perdagangan. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran menggunakan Microsoft Word serta mengaplikasikan pengetahuan dalam Microsoft Word untuk menyediakan dokumen seperti surat, memo, flyer, laporan, borang dan sebagainya.



Career Talk in Landscape Horticulture Oleh Lotus Design & Services Sdn Bhd (Landscape Consultant) – Politeknik Nilai, 22 Mac 2016

Satu ceramah bertajuk "Career Talk in Landscape Horticulture" telah diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan mengenai pembangunan dan laluan kerjaya kepada para peserta. Ceramah Industri ini disampaikan oleh Lar. Kamaluddin Bin Bilal dari LOTUS DESIGN & SERVICES SDN BHD (Landscape Consultant) dan telah berlangsung pada 22 Mac 2016. Program ini juga dapat membantu para peserta dalam menentukan pemilihan kerja yang terbaik dalam era globalisasi yang penuh mencabar. Di samping itu, ia membantu pelajar mempertingkatkan keyakinan mengenali potensi diri dan seterusnya membantu pemilihan kerjaya yang terbaik dalam bidang hortikultur landscap. Pelajar dapat mempersiapkan diri dalam merebut peluang pekerjaan yang semakin mencabar di alaf ini.

FLORIA 2016 – Putrajaya, 27 Mei - 4 Jun 2016.

Dalam memastikan pembelajaran yang berterusan, program Diploma Pengurusan Perniagaan (E-Dagang) telah melaksanakan Kursus Microsoft Word Intermediate yang disertai seramai 202 orang peserta dan 9 orang tenaga pengajar serta 10 orang pembantu dalam kursus tersebut. Kursus ini dijalankan di Makmal Komunikasi, Makmal Multimedia dan Makmal Pengaturcaraan di Jabatan Perdagangan. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran menggunakan Microsoft Word serta mengaplikasikan pengetahuan dalam Microsoft Word untuk menyediakan dokumen seperti surat, memo, flyer, laporan, borang dan sebagainya.

Biocarrier @ Biomalaysia 2016 – KLCC, 31 Mei 2016 - 2 Jun 2016 2016

Sempena Program BioMalaysia yang berlangsung pada 31 Mei 2016 sehingga 2 Jun 2016 di KLCC, satu *talk show* -Bio 101 telah diadakan. Program *talk show* ini telah dijayakan oleh dua orang pensyarah Jabatan Agoteknologi dan Bio-industri merangkap wakil dari Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) Politeknik Nilai iaitu Cik Irmawati Akma Binti Abdul Hapiz dan Encik Mohamad Azlan Yusuff Bin Abdul Rahim. Penglibatan JAB dalam program ini adalah untuk memberikan maklumat mengenai kemasukan pelajar baru ke program Diploma Bioteknologi di Politeknik. BioMalaysia 2016 ini telah mengumpulkan pengamal-pengamal dan peneraju BioMalaysia di Malaysia serta mahasiswa. Antara aktiviti lain yang diadakan adalah sesi *BioCareer LiveShowtime* dengan penampilan istimewa oleh Ustaz Don Daniyal

Lawatan Penanda Aras OSHA dan COT - Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, 10 Mei 2016

Dalam memantapkan lagi proses pembelajaran dan pengajaran, satu lawatan penanda aras OSHA dan COT di Unit OSHA POLISAS dan Unit Teknologi Makanan POLISAS berlangsung pada 10 Mei 2016. Antara dapatan yang telah diperolehi adalah perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan berdasarkan system OHSAS 18001: 2007 dan MS 1722:2011. Lawatan yang diuruskan oleh Cik Lovely Shamini A/P Manoharan ini disertai oleh semua pensyarah Diploma Bioteknologi, pembantu makmal dan penyelaras OSHA.

EDM DIE Sinker - Pendedahan Pemesinan Termaju – Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, PNS, 3hb-4hb Ogos 2016

Ceramah berkaitan "EDM DIE Sinker - Pendedahan Pemesinan Termaju" dirangka untuk memenuhi sasaran bagi pencapaian jam interaksi yang melibatkan PPI bagi program Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) dan program Diploma Kejuruteraan Mekatronik (DEM). Ceramah ini dilaksanakan pada 3hb hingga 4hb Ogos 2016 yang melibatkan semua pelajar semester 1 bagi Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Kejuruteraan Mekatronik. En Chuah Chee Soon dari Howwin Technologies dengan usahasama Eyetech Engineering & Trading, dipilih untuk memberi ceramah kerana berpengalaman luas dalam bidang mesin EDM Die Sinker.



Ceramah ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar berkenaan kepentingan dan kelebihan aplikasi pemesinan termaju bagi sesuatu proses pemesinan. Di samping itu juga, pelajar didedahkan dengan alternatif pemesinan bahan terawat haba yang sedia ada dipasaran.



Kursus Professional Kimpalan

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, 19 hingga 30 September 2016

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah menghantar tiga orang pelajar bagi pensijilan profesional dalam bidang kimpalan anjuran bersama JPP dan PSA, PBS serta PNS. Program ini berlangsung selama hampir dua minggu bermula 19 hingga 30 September 2016 bertempat di bengkel kimpalan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah. Melalui program ini, pelajar bukan sahaja bergraduat dengan Diploma Kejuruteraan Mekanikal, mereka juga ada Sijil Profesional dalam bidang kimpalan. Ini sangat membantu pelajar sekiranya mereka ingin menceburi kerjaya dalam bidang kimpalan. Selain itu juga pelajar dapat menambah nilai dan kemahiran kimpalan yang dipelajari sepanjang program ni.

Program Kerjasama Bersama USS Engineering & Trading 4 Oktober 2016

Satu konsultasi peralatan bengkel yang melibatkan bengkel mesin, bengkel projek dan bengkel CNC telah dilaksanakan usahasama dengan syarikat USS Engineering & Trading. Perbincangan mengenai peralatan bengkel telah dilaksanakan pada 4 Oktober 2016. Hasil perbincangan pihak USS Engineering & Trading bersetuju membenarkan pelajar menggunakan peralatan di bengkel syarikat bagi tujuan persiapan projek pelajar berikutnya peralatan di bengkel yang terhad. Pihak syarikat juga mencadangkan beberapa pembaikan dan pemulihan terhadap mesin yang perlu dilakukan. Selain itu juga pihak USS Engineering & Trading berminat untuk mengadakan perbincangan untuk mengkomersilkan hasil produk pemesinan yang dilakukan.

Penghasilan Produk Dan Cenderamata "Custom Made" Kerjasama JKM Dan USS Engineering & Trading November 2016

Pada awal November 2016 kerjasama dijalankan di antara Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dengan pihak USS Engineering & Trading bagi membincangkan produk yang akan dihasilkan oleh mesin CNC. Perbincangan dua hala mengenai penghasilan beberapa produk dengan menggunakan mesin EDM WIRECUT. Produk yang dicadangkan oleh pihak USS Engineering & Trading adalah cenderahati dan penghasilan produk secara 'Custom Made'. Selain itu juga pihak USS Engineering & Trading akan membekalkan bahan luak sementara proses pemotongan dilakukan oleh pihak JKM PNS sepanjang kursus DJJ5032 dilaksanakan. Hasil kerjasama ini, kos bahan luak dapat dijimatkan dan pensyarah dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan permintaan sebenar.

Anak Anak Gelandangan Diberi Perhatian

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih(Sbjk), Kuala Lumpur 20 Januari 2016



Di samping tanggungjawab dalam pengajaran dan pembelajaran, tanggungjawab sosial juga perlu dititikberatkan. Tidak ramai yang mengetahui kewujudan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) yang terletak berhampiran dengan Lorong Hj Taib. Sekolah ini dibina khas untuk anak-anak gelandangan, yang tiada status kewarganegaraan dan kurang kemampuan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai telah mengambil inisiatif untuk memberi bantuan kepada anak-anak penghuni yang berumur dari 4 hingga 17 tahun yang seramai 130 orang. Lawatan ini disertai oleh 20 orang pelajar PNS bersama 15 orang siswa International University Malaya-Wales (IUMW) serta 16 orang pensyarah Jabatan Pengajian Am. Anak-anak SBJK yang setiap hari berada di sekolah dari 8 pagi hingga 4 petang ini menyertai aktiviti yang disediakan oleh Unit Bahasa Inggeris dan Unit Pendidikan Islam untuk meningkatkan kesedaran kerohanian dan kemahiran Bahasa Inggeris mereka. Anak-anak SBJK yang dibahagikan kepada 3 kumpulan utama iaitu Pra sekolah (4-6 tahun), sekolah rendah (7-12 tahun) dan sekolah menengah (13-18 tahun) tidak belajar seperti kanak-kanak sekolah lain, mereka tidak memakai pakaian seragam seperti pelajar sekolah lain dan makan dan minum mereka ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Program ini juga memberi peluang kepada pelajar PNS untuk menghargai kehidupan dan memberi pengajaran kepada peserta dan pensyarah yang terlibat tentang erti kehidupan. Diharap program ini dapat membuka mata pelbagai pihak untuk membantu anak-anak ini agar mereka mendapat peluang untuk memiliki masa depan yang gemilang.

Merakyatkan Perlembagaan

Dewan Kuliah Utama Politeknik Nilai, 19 Januari 2016

Dalam menerapkan pemahaman pelajar terhadap system perlembagaan Malaysia, satu seminar Pengajian Malaysia yang bertajuk 'Perlembagaan Malaysia berdasarkan Kontrak Sosial' telah diadakan. Seramai 245 orang pelajar semester satu daripada semua program telah mengikuti seminar tersebut. Seminar dibahagikan kepada dua slot iaitu slot pertama yang memberi fokus kepada Perlembagaan Malaysia dan slot kedua pula meliputi topik Kontrak Sosial. Seminar ini telah disampaikan oleh Pengawai Penyelidik Parlimen Malaysia, Encik Idzuafi Hadi bin Kamilan selaku penceramah jemputan. Seminar yang berlangsung selama empat jam itu adalah bertujuan memberi kefahaman sebenar Perlembagaan Malaysia dan Kontrak Sosial dengan pengisian maklumat daripada penceramah jemputan yang pakar dalam bidang tersebut. Melalui seminar ini diharapkan pelajar dapat memahami peruntukan utama yang terkandung dalam Perlembagaan serta mereka akan dapat menilai kedudukan mereka sebagai warganegara yang bebas tetapi tertakluk kepada perlembagaan. Selain itu, matlamat seminar ini juga adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat memahami prinsip ketertinggian perlembagaan selain merangsang minat mereka untuk mempelajari kursus Pengajian Malaysia yang menjadi kursus wajib pelajar semester satu.

Kursus Intensive Matematik Upsr

Anak Anak Felda Wilayah Trolak, 26 – 28 Februari 2016

Kursus Intensive Matematik UPSR yang dianjurkan adalah melibatkan seramai 20 pelajar terpilih yang akan menduduki UPSR pada tahun 2016. Kursus ini berlangsung selama dua hari iaitu pada 26hb – 28hb Februari 2016. Peserta program ini adalah terdiri dari pelajar terpilih daripada 5 kawasan felda yang terletak dalam pentadbiran Felda Wilayah Trolak. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada 5 pensyarah JMSK termasuk Ketua Jabatan Pn Nor Liza, Pn Zarina, Pn Nurulazila, En Asseri dan En Hairul Hazam serta dibantu oleh 3 pelajar sukarela JPP Politeknik Nilai sebagai fasilitator. Kursus ini diadakan di bilik kuliah teknologi dan semua pelajar telah ditempatkan di asrama Politeknik Nilai sepanjang kursus tersebut. Kursus intensif ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pencapaian matematik bagi pelajar yang telah dikenalpasti berada dalam kategori gred B dan mempunyai potensi untuk mendapat gred A dalam UPSR tahun 2016. Kursus ini dijalankan di dalam bilik darjah dengan cara pensyarah mengenalpasti tajuk-tajuk yang menjadi kesukaran kepada pelajar. Pensyarah memberikan penerangan dan penekanan terhadap tajuk-tajuk tersebut dengan dibantu oleh pelajar MPP. Ujian pra dan post juga dibuat untuk mengenalpasti tahap peningkatan pencapaian pelajar-pelajar tersebut. Pelajar melawat di sekitar kampus Politeknik Nilai dan diikuti sesi ceramah motivasi yang disampaikan oleh Pn Halimah

Bengkel Pengukuhan Matematik Semester Satu

Politeknik Nilai, 30 Julai 2016



Bengkel Pengukuhan Matematik ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap Kursus Matematik Kejuruteraan 1, khasnya dalam Topik Algebra dan Trigonometri.

Pelajar-pelajar yang terlibat dalam bengkel ini adalah terdiri daripada pelajar semester satu Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Kejuruteraan Mekatronik. Seramai 5 pensyarah telah terlibat sebagai fasilitator sepanjang bengkel tersebut iaitu Puan Nor Liza Binti Kasim, Puan Kalsom Binti Sailan, Encik Asseri Bin Abdul Majid, Encik Hairul Azam Bin Mohd Mokhtar dan Puan Raja Nadia Binti Raja Ahmad.



Perbandingan *pre test* dan *post test* mendapati bahawa kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap algebra dan trigonometri meningkat. Semoga usaha sebegini akan diteruskan bagi memantapkan pengetahuan para pelajar.





PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Majlis Ilmu Sunnah yang Semakin Dilupakan

Pusat Islam PNS dengan kerjasama ULPL PNS telah menganjurkan satu Majlis Ilmu - Sunnah Yang Semakin Dilupakan yang disampaikan oleh Imam Muda Arrazi di Dewan Kuliah Utama PNS. Peserta yang hadir adalah dari kalangan kakitangan PNS dan pelajar PNS. Banyak ilmu yang diperolehi dari majlis ini.

Bengkel Penilaian & Pemurnian Item Peperiksaan Akhir Diploma Agroteknologi, Diploma Akuakultur, Diploma Lanskap dan Hortikultur, Diploma Bioteknologi dan Diploma Pengajian Perniagaan (E-Dagang) Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi Sesi Dis 2015.

23 - 26 Februari 2016

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Peperiksaan Politeknik Nilai Negeri Sembilan dengan kerjasama Unit Peperiksaan Politeknik Jeli, Kelantan dan Unit Peperiksaan Politeknik Sandakan, Sabah. Seramai 35 orang peserta telah menyertai bengkel ini dengan melibatkan panel luar dari UMT, UTHM, UPM dan UiTM. Semua peserta menginap di Lodge Cemara Inn.

Bengkel Pembangunan Kurikulum Kursus Baru, Pandu Puteri Siswi Politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP)

08-11 Mac 2016

Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Kurikulum Kursus Baru, Pandu Puteri Siswi Politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), Bil. 1/2016 bertempat di Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai. Peserta terlibat seramai 10 orang dari kalangan pegawai Jabatan Pendidikan Politeknik.

Bengkel pembangunan Modul PSH Kolej Komuniti

15-31 Mac 2016

Bahagian Akademik dan Pendidikan Berterusan, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah menganjurkan Bengkel pembangunan Modul PSH Kolej Komuniti. Seramai 30 orang peserta terdiri dari Pensyarah Kolej Komuniti Seluruh Malaysia terlibat dalam bengkel tersebut di Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai.

Mesin Pembuat Kopi Berbayar

Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai. telah menempatkan 2 buah mesin pembuat kopi berbayar yang diletakan satu di Lobi Pentadbiran dan satu lagi di Cemara Inn. Mesin ini akan dikendalikan penuh oleh ULPL. Semoga dengan pembelian mesin kopi ini dapat memperkasakan lagi penjanaan wang Akaun Amanah Politeknik Nilai.

Bengkel Pengesahan Graduan Politeknik 2016

11-13 April 2016

ULPL PNS telah menyertai pameran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) atau dikenali juga sebagai Karnival Jom Masuk IPT kali ke-12 pada tahun 2016.

Program anjuran Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) ini membekalkan maklumat terkini berkenaan program-program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), IPT, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA bagi Sesi Akademik 2016/2017.

Berikut adalah kalender atau jadual Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2016 yang menyatakan tarikh serta lokasi program ini diadakan :

Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN)

02-03 April 2016



ULPL PNS telah menyertai pameran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) atau dikenali juga sebagai Karnival Jom Masuk IPT kali ke-12 pada tahun 2016. Program anjuran Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) ini membekalkan maklumat terkini berkenaan program-program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), IPT, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA bagi Sesi Akademik 2016/2017.

Bengkel Kajian Majikan 2016

13-15 April 2016

Bengkel Kajian Majikan 2016 telah dianjurkan oleh Unit Penyelidikan dan Inovasi Politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik dan dihadiri oleh pegawai-pegawai politeknik seluruh Malaysia. Bengkel tersebut telah diadakan di Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai.

Majlis Anugerah kecemerlangan Pelajar Politeknik (AKEPP)

21 April 2016, Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai

Majlis Anugerah kecemerlangan Pelajar Politeknik (AKEPP) telah diadakan di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai. Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan terlibat sebagai Urusetia Penginapan dan menguruskan persiapan majlis.

Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Entrepreneurship Training Programme 2016 : Transfer Of Industry Knowledge Into Academia 2016.

25 April - 13 April 2016

Program intensif 3 minggu ini adalah untuk melatih dan mengasah potensi 110 peserta technopreneurs yang terdiri dari pelajar-pelajar Politeknik seluruh Malaysia. Program ini berlangsung di Pusat Sumber Politeknik Nilai dan Majlis Perasmian Penutup telah di sempurnakan oleh Dato' Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi pada 13 Mei 2016. ULPL PNS telah berganding bahu bersama Pusat Keusahawanan PNS dan unit-unit lain, bagi menjadi urusetia kepada program besar ini.



Mesyuarat Jawantankuasa Kerja Kolaborasi Industri Antara Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), dan Politeknik Nilai (PNS) dan Federation of Malaysian Freight Forwarders (FMFF).

30-31 Mei 2016



Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan lanjutan kolaborasi yang boleh dilaksanakan bagi program Diploma Pengurusan Logistik yang ditawarkan di Politeknik Malaysia.

Bengkel Kerja Pemurnian Modul dan Pembinaan Item Bagi Kursus Kepimpinan Instruksional dan Pembangunan Andragogi (KIPA)

03 - 04 Mei 2016



Bengkel ini dianjurkan oleh Bahagian Kecemerlangan Profesional (BKPro), JPP. Seramai 26 orang telah terlibat dalam bengkel tersebut dan telah dirasmikan oleh Pengarah BKPro sendiri iaitu Tn. Hj. Tajuddin Bin Abdul Rashid. Pihak ULPL PNS telah menyediakan kemudahan tempat bengkel dan makan minum peserta.

Mesyuarat Jawatankuasa Keselarasan Peperiksaan Sesi Jun 2016

31 Mei - 2 Jun 2016



ULPL, PNS telah menyediakan penginapan di Cemara Inn dan pengangkutan bas untuk 35 orang peserta ke JPP bagi Mesyuarat Jawatankuasa Keselarasan Peperiksaan Sesi Jun 2016. Mesyuarat dianjurkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, JPP.

Program Persijilan Profesional : Inventive Problem Solving Bagi Pensyarah Politeknik Malaysia – MyTRIZ LEVEL 2 PRACTITIONER & MyTRIZ LEVEL 1 INSTRUCTOR

13-16 Jun 2016



Program ini dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, JPP dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjut, PNS terlibat sebagai urusetia bagi penginapan, makan minum peserta, persediaan dan kelengkapan kursus. Seramai 28 Orang peserta terlibat dalam program ini.

Kursus National Competency Standard Z050:2015 Green Compliance Course

20 - 24 Jun 2016

Telah berlangsung satu Kursus National Competency Standard Z050:2015 Green Compliance Course anjuran Bahagian Pembangunan Kurikulum, JPP. ULPL PNS telah dilantik sebagai urusetia bagi menyediakan penginapan dan keperluan untuk kursus tersebut. Seramai 19 orang peserta terlibat dalam kursus ini.

Persidangan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi Bil 2/2016

13-14 Julai 2016

Politeknik Nilai (PNS) dilantik sebagai urusetia bersama Persidangan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi Bil 2/2016. Para peserta telah menginap di Cemara Inn selama program berlangsung.

Program Penyerahan Projek PPRN PTSB – Debris Collector di Tasik Putrajaya

06 - 08 Ogos 2016

ULPL PNS telah menjadi penyedia kemudahan penginapan dan makan minum pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik (PPIP), JPP bagi majlis perasmian Program Penyerahan Projek PPRN PTSB –Debris Collector di Tasik Putrajaya pada 8 Ogos 2016. Pihak PPIP telah memberikan bajet bagi menyediakan kemudahan tersebut kepada Politeknik Nilai. Peserta telah menginap selama dua malam di Politeknik Nilai.

Bengkel Orientasi Kursus DBP2012 Entrepreneurship

24 - 25 November 2016

Satu Bengkel Orientasi Kursus DBP2012 Entrepreneurship telah diadakan di Bilik TECC, Jabatan Perdagangan, PNS. Bengkel ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan yang terdapat di dalam silibus kurikulum DBP2012 Entrepreneurship sedia ada yang digunakan bagi semua program diploma politeknik. Hasilnya, silibus kursus mengalami perubahan dan seterusnya mempengaruhi aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi perlaksanaan kursus ini. Kursus ini telah disertai oleh 16 orang pensyarah dari 8 program yang ditawarkan di Politeknik Nilai. Kursus ini dianjurkan bersama ULPL dan Pusat Keusahawanan.

Kursus di Bawah Kerjasama AKEPT-Politeknik Tahun 2016 Program TOT Modul Learning Engagement & Motivation – Beginner

16 - 18 Ogos 2016



Kursus di Bawah Kerjasama AKEPT-Politeknik Tahun 2016 Program TOT Modul Learning Engagement & Motivation – Beginner telah diadakan di Politeknik Nilai Negeri Sembilan. Kursus ini merupakan kursus wajib bagi memenuhi keperluan akreditasi MQA program baharu serta pembangunan Pensyarah Rujukan Bidang dan Pembangunan Training of Trainer (TOT) Politeknik. Kursus telah dianjurkan oleh Bahagian Kecemerlangan Profesional, JPP. Seramai 30 orang peserta telah hadir ke kursus tersebut.

Bengkel Amalan Baik Pengurusan Ruang Politeknik Malaysia 2016

04 - 06 Oktober 2016

ULPL telah menjadi urusetia bersama Bengkel Amalan Baik Pengurusan Ruang Politeknik Malaysia 2016 telah diadakan di Bilik Kuliah 2. Bengkel tersebut dihadiri seramai 21 orang pegawai dari Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Kursus Bagi Program Usahasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Cambridge English (CE)

17 -21 Oktober 2016

Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Cyberjaya telah mengadakan kursus bagi Program Usahasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Cambridge English (CE) di ULPL, Politeknik Nilai. Peserta kursus adalah seramai 30 orang termasuk seorang fasilitator dan seorang urusetia dari IPGM. Pihak ULPL telah menyediakan kemudahan kursus secara pakej yang terdiri dari kemudahan tempat kursus, kemudahan hospitaliti dan makan minum.

Mesyuarat Program Kerjasama Pembangunan Kurikulum (Bridged Bomba Bantuan Politeknik) Bil 2016 Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi

05 - 07 September 2016

ULPL PNS telah menjadi urusetia bersama Bahagian Pembangunan Kurikulum JPP bagi menganjurkan Mesyuarat Program Kerjasama Pembangunan Kurikulum (Bridged Bomba Bantuan Politeknik) Bil 1/2016 Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat ULPL ,PNS. Peserta yang terlibat adalah seramai 10 orang.

Kursus Kokurikulum Baharu (Sukan) Bil 1/2016 Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi

26 - 29 September 2016

ULPL, PNS telah menjadi urusetia bersama Bahagian Pembangunan Kurikulum, JPP menganjurkan Kursus Kokurikulum Baharu (Sukan) Bil 1/2016 Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat ULPL PNS.

Mesyuarat Semak Semula Kurikulum Bagi Kursus Latihan Industri (LI), Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), KPM

23 - 25 November 2016

Bahagian Pembangunan Kurikulum telah mengadakan satu Mesyuarat Semak Semula Kurikulum Bagi Kursus Latihan Industri (LI), Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), KPM di PNS dan ULPL PNS telah menjadi urusetia bersama mesyuarat tersebut. Peserta adalah seramai 15 orang dan penginapan di sediakan di Cemara Inn.

Bengkel TOT ModuL Learning Engagement and Motivation di Bilik Kuliah 2, ULPL, PNS

01 November 2016

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan telah menganjurkan satu Bengkel TOT ModuL Learning Engagement and Motivation di Bilik Kuliah 2, ULPL, PNS. Ini merupakan kursus wajib bagi memenuhi keperluan akreditasi MQA program baharu serta pembangunan Pensyarah Rujukan Bidang dan Pembangunan Training Of Trainer (TOT) Politeknik. Bengkel ini melibatkan 20 orang peserta dari Politeknik Nilai dan 3 orang penceramah.

Bengkel ISO 9001:2015 (Siri 1 & Siri 2)

03 - 10 November 2016

Bengkel ISO 9001:2015 (Siri 1 & Siri 2) telah diadakan di Bilik Kuliah 2, ULPL PNS. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan serta persiapan awal bagi organisasi bagi mendapatkan pensijilan ISO 9001:2015, memahami perubahan dan mengenalpasti perubahan mengikut klausula dan membuat persediaan keperluan klausula ISO yang baharu. Peserta yang terlibat adalah seramai 40 orang.

Professional Certificate In Retail Management di Bawah Program Professional Industrial Certification (PIC) bagi tahun 2016

14 - 26 November 2016

ULPL PNS telah menganjurkan Kursus Professional Certificate In Retail Management di Bawah Program Professional Industrial Certification (PIC) bagi tahun 2016. Tenaga pengajar adalah terdiri dari pakar dalam bidang industry peruncitan yang berdaftar dengan The Malaysian Institute of Purchasing and Management (MIPMM). Peserta yang berjaya menamatkan kursus telah diberikan sijil Professional Certificate In Retail Management yang diiktiraf oleh pihak MQA sebagai kelayakan mengajar kursus dalam bidang logistik. Kursus ini telah dihadiri oleh 25 orang peserta yang terdiri dari 14 orang pensyarah PNS dan 11 orang pensyarah dari Politeknik lain iaitu Politeknik Unku Omar, Politeknik Sultan Azlan Shah dan Politeknik METro Kuala Lumpur.



Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan PNS 2016

14 - 16 November 2016

Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan PNS 2016 telah diadakan di Bilik Kuliah 2, ULPL PNS. Seramai 18 orang wakil jabatan telah hadir dalam bengkel tersebut bagi menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2016 PNS.

'Design Thinking Workshop For TVET Lectures' di Bilik Kuliah 1, ULPL

15 -17 November 2016

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai dengan kerjasama Bahagian Pembagunan Kurikulum, JPP telah mengadakan Bengkel 'Design Thinking Workshop For TVET Lectures' di Bilik Kuliah 1, ULPL. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan proses Pengajaran dan Pembelajaran TVET di Politeknik Nilai. Peserta yang terlibat adalah seramai 25 orang terdiri dari kalangan pensyarah koordinator projek dan pensyarah penyelia projek pelajar Politeknik Nilai.

Laporan Prestasi Latihan Staf Bagi Tahun 2016


- 81.3% staf telah menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari berkursus setahun.
- 12.4% telah menghadiri kursus antara 4-6 hari berkursus.
- 5.9% telah menghadiri kursus kurang dari 4 hari.
- Lebih 75.6% jadual Perancangan Latihan Staf telah dilaksanakan. Terdapat juga kursus/bengkel yang dilaksanakan walaupun tiada di dalam perancangan, namun perlu dilaksanakan mengikut keperluan semasa.
- Bagi tahun 2016, KPI 7 hari berkursus telah ditangguhkan melalui surat arahan bernombor rujukan KPT/JPP/BPD/02/07 Jld 12 (81) bertarikh 11 April 2016.
- Pelaksanaan kursus/bengkel yang dirancang di dalam takwim tidak dapat dilaksanakan kerana tiada peruntukan/bajet. Kursus-kursus yang dapat dilaksanakan adalah kursus yang wajib seperti bengkel penilaian dan pemasangan soalan dan bengkel/kursus yang tidak memerlukan kos yang tinggi

Bengkel Pemurnian Garis Panduan Unit beruniform Kokurikulum Baharu, Pandu Puteri Cawangan Politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), KPM.


21 - 25 November 2016

PNS menjadi urusetia bersama Bengkel Pemurnian Garis Panduan Unit beruniform Kokurikulum Baharu, Pandu Puteri Cawangan Politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), KPM.

STATISTIK PERBANDINGAN BAGI TAHUN 2015 & 2016



Perbandingan bilangan hari berkursus staf bagi tahun 2016 dan 2015



Perbandingan bilangan kursus yang dilaksanakan bagi tahun 2016 dan 2015



KELESTARIAN KEUSAHAWANAN

Program Gerak Usahawan Kampus (GUK 2016)

29 September 2016 dan 8 & 9 Oktober



Projek Rintis Inkubator Keusahawanan Takaful (PRINT) Politeknik 2016

8 Mac 2016, Menara Great Eastern, Kuala Lumpur



MDTC Training Programme 2016

Transfer of Industry Knowledge Into Academia

25 April - 15 Mei 2016, Politeknik Nilai



Program MTDC berkampung di Politeknik Nilai sepanjang 3 minggu bermula 25 April sehingga 15 Mei 2016. Ramai pakar industri, usahawan teknologi MTDC dan profesional terpilih memindahkan ilmu ke-usahawanan kepada 100 pelajar Politeknik seluruh Malaysia yang berminat menjadi usahawan.

Seramai 3 srikandi MTDC berkongsi pengalaman dan sisi profesionalisme yang perlu ada bagi seorang usahawan.

Kami berharap semua peserta menjadi usahawan tempatan berjaya pada masa hadapan. Terima kasih kepada mereka yang telah membantu kami dan menyertai program ini.





PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Politeknik Peringkat Kebangsaan 2016

Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah satu kumpulan kecil yang ahlinya terdiri daripada pekerja yang mewakili tempat kerja yang sama atau bersilang fungsi, berkumpul secara sukarela untuk mengenal pasti masalah, menganalisa dan seterusnya mencetuskan idea-idea yang kreatif dan berunsur inovasi bagi tujuan penyelesaian kepada projek. Inovasi ialah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Untuk tahun 2016 Politeknik Nilai telah menghantar penyertaan untuk kategori teknikal dengan projek bertajuk Forge the Switch. Projek KIK ini berfungsi untuk menyelesaikan masalah lampu dan kipas yang lupa untuk ditutup selepas bilik kuliah digunakan yang menyebabkan peningkatan bil elektrik politeknik. Lantaran daripada permasalahan ini kumpulan KIK Teknikal PNS iaitu Creative Solution telah membangunkan smart saving energy device yang dinamakan ForGetTheSwitch. Alat yang dibangunkan kumpulan ini mampu menutup lampu dan kipas secara automatik apabila tiada aktiviti dijalankan dalam bilik kuliah. Alat ini juga mampu menjamin keselamatan daripada bahaya kepada pengguna apabila menggunakan bilik kuliah pada sebelah malam. Pertandingan KIK Politeknik Peringkat Kebangsaan 2016 telah berlangsung di Hotel Permai Kuala Terengganu, anjuran Politeknik Kuala Terengganu pada 26 hingga 28 Julai 2016. Untuk penyertaan kali ini PNS telah berjaya merangkul Pingat Perak secara keseluruhan.



Public-Private Research Network (PPRN)

Public-Private Research Network adalah merupakan geran penyelidikan yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) bagi mewujudkan '*knowledge-friendly ecosystem*' di Malaysia. Dalam hal ini, pihak industri yang merupakan pengguna pengetahuan dihubungkan dengan pengeluar pengetahuan iaitu institusi pengajian tinggi (IPT) dan institusi penyelidikan (RI) bagi meningkatkan lagi daya produktiviti negara melalui aktiviti inovasi dan penyelidikan gunaan. Tawaran geran PPRN akan diadakan setiap bulan berdasarkan permasalahan yang diterima dari pihak industri. Selain daripada itu PPRN ini juga merupakan satu model kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi, industri dan agensi-agensi kerajaan bagi menggalakkan program inovasi yang berasaskan permintaan dalam memacu pembangunan produktiviti dan inovasi negara. Objektif utama adalah untuk mewujudkan *knowledge-friendly ecosystem*. Geran ini terbuka kepada semua penyelidik daripada IPT di mana industri akan membentangkan permasalahan teknologi. Manakala Penyelidik memberi cadangan bagaimana mereka boleh membantu industri. Keutamaan akan diberi kepada projek yang boleh disiapkan dalam tempoh 6 bulan dan pembiayaan penyelidikan adalah sehingga RM 50,000. Daripada jumlah ini maksimum 25% adalah untuk bayaran profesional kepada penyelidik manakala maksimum 5% adalah bayaran kos pentadbiran projek kepada Institusi. Antara manfaat geran projek PPRN ini adalah kepakaran dan pengetahuan teknologi dapat diaplikasikan secara terus kepada industri/perusahaan dengan kadar langganan yang tinggi dan memenuhi keperluan mereka kerana ia berpacukan permintaan (*demand driven*). Pengalaman bekerjasama dengan industri/perusahaan boleh dijadikan sebagai input kajian kes dalam pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kompetensi mereka sebagai tenaga pengajar. Unit PPRN, UPI Politeknik Nilai telah secara langsung mengambil bahagian dalam mendapatkan geran berkaitan permasalahan industri. Sepanjang tahun 2016 Politeknik Nilai telah berjaya memperolehi sebanyak 3 geran PPRN yang kesemuanya berjumlah RM 80,000.00. Berikut merupakan tajuk-tajuk yang telah berjaya diperolehi oleh penyelidik dari Politeknik Nilai:

1. Tajuk Permasalahan PPRN: Chicken Egg Incubator
Pengusaha: Muhammad Zuraidi Enterprise
Geran PPRN: Februari 2016
Jumlah Geran: RM 16000.00
2. Tajuk Permasalahan PPRN: Fully Automation System for Kebab Ayam & Kebab Daging Marinated & Precooked
Pengusaha: MALINJA DONER & BAKERY SDN BHD
Geran PPRN: Jun 2016
Jumlah Geran: RM 32000.00
3. Tajuk Permasalahan PPRN: Fully Automated System for 'Kuar Rojak Production'
Pengusaha: Judin Enterprise
Geran PPRN: September 2016
Jumlah Geran: RM 40000.00



HakCipta (Copyright)

Hakcipta adalah merupakan hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Perlindungan hakcipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hakcipta 1987. Sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli, ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan. Penciptanya adalah orang yang berkelayakan atau karya tersebut telah dibuat di Malaysia atau penerbitan pertama karya adalah di Malaysia. Politeknik Nilai telah mengadakan program Bengkel Hakcipta sepanjang tahun 2016 yang bertujuan untuk mendapatkan hak cipta bagi bahan-bahan inovasi pelajar di PNS. Objektif bengkel ini adalah untuk memupuk pelajar dan pensyarah ke arah berdaya cipta dalam meningkatkan produktiviti; sebagai platform menghasilkan pelan strategik institusi; melatih pelajar untuk berkomunikasi dan berfikiran kreatif dan inovatif dalam membincangkan permasalahan kajian dan inovasi yang dihasilkan; membudayakan aktiviti penyelidikan dan inovasi di Politeknik Nilai serta memupuk semangat berpasukan dan kerjasama dikalangan pensyarah dan pelajar. Hasil daripada bengkel dan program tersebut beberapa karya dan hasil inovasi Politeknik Nilai telah berjaya mendapat sijil hakcipta daripada Intellectual Property of Malaysia ataupun MyIPO. Antara karya-karya dan produk inovasi tersebut adalah:

1. Karya Terbitan: ForgetheSwitch
2. Karya Artistik: Taste of Jannah Garden
3. Karya Artistik: Fatin Handwriting Form

PNS Research & Innovation Development Programme (PRIDE 2016)

PRIDE 1 & 2 adalah merupakan penganjuran "PNS Research & Innovation Development Programme (PRIDE 2016). PRIDE 1& 2 masing-masing telah dianjurkan pada pada 29 Mac dan 25 Oktober 2016. Sejajar dengan hasrat kerajaan secara am dan khususnya Jabatan Pengajian Politeknik untuk memperkasakan TVET melalui pembudayaan aktiviti penyelidikan dan inovasi, Politeknik Nilai telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan PRIDE 2016 yang terdiri daripada dua program selari:

1. Pertandingan Inovasi – Projek Akhir Pelajar PNS (Semua Jabatan)
2. Kolokium Cadangan Penyelidikan – Pensyarah PNS

Pertandingan inovasi adalah platform bagi pelajar untuk mempamer dan mempertandingi peringkat PNS hasil inovasi mereka yang telah selesai dilaksana di peringkat jabatan masing-masing. Sebagai satu platform perkongsian ilmu bagi pensyarah pula, satu kolokium pembentangan penyelidikan telah dianjurkan oleh UPI, PNS yang merupakan platform ke arah pembudayaan penyelidikan dengan lebih teratur. Selain itu, keseluruhan program sehari ini telah memberi impak terutama kepada mereka yang belum melibatkan diri dengan aktiviti inovasi dan penyelidikan. Melalui program ini pelajar telah berpeluang mempraktikkan teori dan kemahiran yang telah dipelajari dalam bidang masing-masing dan melatih para pelajar dalam kemahiran berkomunikasi, kerja berkumpulan, membuat perancangan kerja, membuat keputusan, cadangan, dan menambahkan kreativiti dengan menggunakan kemudahan yang ada terutamanya sepanjang menjalankan kajian. Penilaian pembentangan bagi pertandingan ini telah dijalankan oleh panel jemputan yang terdiri daripada wakil industri dan universiti yang berpengalaman.





PEMBANGUNAN DAN KELESTARIAN INSANIAH

Dalam era globalisasi, cabaran utama bagi pengajian tinggi adalah untuk menjana pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam akademik dan sahsiah malah berdaya saing dalam pasaran global.

Bagi menjayakan usaha pembangunan holistik pelajar yang cemerlang dan seimbang antara tuntutan akademik dan kokurikulum, maka Politeknik Nilai yang diterajui oleh pensyarah-pensyarah yang berdedikasi telah menganjur, melaksana dan menyertai berbagai program dan aktiviti kokurikulum dengan tujuan bagi mencapai matlamat yang selari dengan pembangunan dan kelestarian insaniah.

Fit 1 Poly, 23 July 2016



Program ini telah diadakan di Padang Politeknik Nilai Negeri Sembilan. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah seperti aerobic dan zumba. Dalam usaha, membantu para pelajar dalam menonjolkan dan mengembangkan bakat yang ada dalam diri pelajar serta menyemarakkan lagi semangat kesukanan yang tinggi. Oleh itu, para pelajar perlu lebih bersedia dari segi fizikal dan mental. Tambahan pula, para pelajar juga dapat mengenali sesama sendiri bagi memperkembangkan lagi ilmu dalam bersukan dan memupuk sikap tanggungjawab dan keprihatinan terhadap kesihatan diri. Program ini juga dilaksanakan supaya dapat mengeratkan lagi hubungan antara pelajar.

Sebagai kesimpulan program Fit 1 Poly ini, penting dalam melahirkan pelajar yang sihat dan proaktif. Selain itu, dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan bakat mereka ke tahap yang lebih optimum. Disamping itu, ia juga mengukuhkan perhubungan dan pergaulan di kalangan pelajar dalam gerakerja yang diceburi. Tambahan pula, ia juga dapat melahirkan pelajar yang berkeyakinan dan juga meningkatkan kesedaran diri terhadap kepentingan dalam menjaga kesihatan. Justeru itu, program ini memberikan impak yang positif dan perlu dianjurkan lagi.

DEMI CINTA DAN CITA-CITA, 28 JUN 2016

Program ini bermula pada pukul 9 pagi hingga 1 tengahari bertempat di bilik Koordinator. Seramai 40 orang peserta terlibat dalam program ini. Program ini bertujuan untuk mengenalpasti dan dapat membentuk pemikiran yang betul dalam menguruskan kehidupan sebagai pelajar. Selain itu, dapat menghasilkan pembentukan sikap dan “mind set” yang baru. Setiap individu akan berhadapan dengan pelbagai konflik dan ia wujud dalam semua keadaan tidak kira gender, peringkat umur, status, kedudukan ekonomi dan sebagainya. Pernyataan ini seolah-olah menunjukkan kita tidak boleh lari daripada konflik. Oleh itu, sebagai remaja terutama pelajar perlu membuat persediaan diri dan minda dan menguasai kemahiran soft skill bagi membantu diri menguruskan konflik dengan lebih efektif.

KEM BINA DIRI "DARI ZERO TO HERO"

14 - 16 OKTOBER 2016

Program ini telah diadakan di Kem Tasik, Biru, Melaka. Kumpulan sasaran peserta seramai 43 orang, 4 orang urus setia dan 3 pegawai pengiring. Manusia pada asasnya dilahirkan ke muka bumi ini dengan minda yang sama bentuknya, sama saiznya dan sama warnanya. Pada amnya, mereka mempunyai tingkah laku, perangai, sikap dan pengalaman serta ilmu yang sama. Namun apabila meningkat dewasa ciri-ciri perbezaan antara satu sama lain mula terbentuk. Ada yang berjaya dan ada yang gagal. Perubahan ini berlaku hasil daripada maklumat yang terima dan pengalaman yang dilalui seseorang. Ada di kalangan kita mengizinkan perkara-perkara negatif dimasukkan ke dalam minda kita dan tingkah laku devian terhasil. Persoalannya bagaimakah kita sebagai pendidik ingin membantu para pelajar menjadi positif, hebat, berketerampilan dan berjaya. Kejayaan seseorang pelajar bukan sahaja diukur melalui tingginya CGPA namun pada era sekarang, kecemerlangan dilihat secara holistik termasuk kecerdasan emosi, fizikal dan rohani.



Majlis Pentauliahan AKRAB SISWA Politeknik Pendidikan Tinggi 2016 yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Marry Yap Kain Ching telah mentauliahkan 139 pelajar politeknik menjadi ahli AKRAB Siswa. Seramai 4 orang pelajar PNS yang mempunyai bakat kepimpinan dan kemahiran generik telah diterapkan melalui aspek psikologi untuk ditauliahkan sebagai Akrab Siswa.



PROGRAM AKRAB SISWA

21 - 22 OGOS 2016



RAMADAN KAREEM

iftar bersama komuniti setempat



Majlis iftar bersama komuniti setempat telah diadakan bersama Masjid Kg Jijan (18 Jun) dan Taman Eka Matahari (25 Jun). Majlis ini bermula dengan gotong-royong untuk menyediakan juadah iftar bagi penduduk kampung dan warga Politeknik Nilai yang hadir. Penglibatan pelajar Politeknik Nilai mampu menggilap semangat berpasukan dan kebersamaan. Tazkirah ringkas juga turut diadakan dan solat sunat terawih dipimpin oleh Ustaz Mohd Khairil bin Zainal Bahrin



Tadarus Al-Quran Ramadan

Pusat Islam Al-Kauthar Politeknik Nilai telah menganjurkan Tadarus Al-Quran bertempat di Pusat Islam bermula 19 Jun 2016. Program bermula selepas solat sunat terawih bertujuan memupuk semangat cintakan Al-Quran dan merapatkan ukhuwwah di antara ahli Pusat Islam dan pelajar muslim Politeknik Nilai. Sebanyak 8 kumpulan dibentuk untuk menjayakan aktiviti ini bersama seliaan Ustaz Mohd Khairil Bin Zainal Bahrin, Ustaz Rusdin Hussin, En Is Aizat Bin Samsuri dan Ustazah Mastura binti Mamat. Bacaan sehari sejuzuk dan membaca tafsir untuk menambah kefahaman tentang ayat yang dinuzulkan dilaksanakan.



Maulidur Rasul

4,5 ,6 dan 11 Januari 2016

Program Maulidul Rasul ini bertujuan melibatkan pelajar Politeknik Nilai dalam aktiviti pembangunan diri yang menjurus kepada menyemarakkan kecintaan kepada Nabi Muhammad dan Sunnah baginda serta mencintai keindahan islam dalam usaha untuk mencapai kecermelangan sebagai seorang insan. Program ini juga memperlihatkan keluasan skop agama yang meliputi pelbagai aspek dan menjurus kearah pembentukan jati diri pelajar yang cemerlang serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan spiritual. Pelajar juga dapat menghayati dan memahami keluasan skop ajaran Islam yang universal dan seimbang dalam proses melakukan perubahan diri untuk menghadapi cabaran kehidupan sebagai muslim yang cemerlang.



Rehlah Tarbawi , Pantai Bagan Lalang
21 Februari 2016

Pusat Islam Al-Kauthar Politeknik Nilai telah menganjurkan Rehlah Tarbawi di Pantai Bagan Lalang. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat bekerjasama dan berani menghadapi cabaran dalam diri peserta di samping mengeratkan hubungan silaturrahim antara ahli Rakan Pusat Islam. Seramai 35 pelajar Rakan Pusat Islam telah terlibat bersama pensyarah pengiring iaitu Ustaz Mohd Khairil Bin Zainal Bahrin dan En Is Aizat bin Samsuri. Aktiviti-aktiviti disusun mengikut kesesuaian tempat seperti solat Dhuha di tepi pantai, berwudhu menggunakan air laut.





JALINAN DAN KHIDMAT KOMUNITI

21 Sukarelawan berbakti di Laguna Biru

17 Mac : Port Dickson, Negeri Sembilan



Seramai 21 pelajar Program Pra-Diploma Sains (IPS) menjayakan Program ‘Sayangi Alam Sekitar’ dengan menjalankan kerja kesukarelawan di Laguna Biru, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut Pn. Norzarina, Pensyarah JMSK selaku pengiring, program yang dijalankan memberikan pengalaman yang amat menarik. “Sukarelawan berpeluang membersihkan kawasan pantai di samping memupuk semangat cintai alam sekitar,” katanya.

Selain memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang sesuatu dalam khidmat sukarela, program ini juga memberi kesempatan kepada mereka bagi memupuk nilai-nilai murni, peka dengan isu alam sekitar, serta menanam minat dan budaya bekerjasama. Sukaneka juga telah diadakan bagi menjayakan program ini.



MAJLIS IFTAR, 18 Jun: Masjid Kg. Jijan, Negeri Sembilan

Pusat Islam Al-Kauthar PNS dengan kerjasama Jabatan Pengajian Am (JPA) telah mengadakan Majlis Iftar bersama komuniti di Masjid Kg. Jijan, Negeri Sembilan. Seramai 30 orang pelajar PNS telah terlibat dalam bergotong-royong untuk menyediakan juadah iftar bagi penduduk kampung dan warga PNS yang hadir. Program ini mampu menggilap semangat berpasukan dan kemauafakatan. Tazkirah ringkas telah disampaikan dan Solat Sunat Terawih pula dipimpin oleh Ustaz Mohd Khairil bin Zainal Bahrin.



MAJLIS IFTAR, 25 Jun: Taman Eka Matahari, Negeri Sembilan

Pusat Islam Al-Kauthar PNS telah menganjurkan Majlis Iftar bersama komuniti Taman Eka Matahari, Negeri Sembilan. Seramai 35 orang pelajar PNS telah terlibat dalam bergotong-royong menyediakan juadah iftar bagi penduduk taman ini. Program ini mampu memupuk semangat berpasukan dan kemauafakatan. Program Tadarus al-Quran turut dijalankan dan tazkirah ringkas telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Khairil bin Zainal Bahrin. Pengarah PNS, Lt. Kol Bersekutu (PA) Hj. Mohamad Amin Hamat turut hadir bagi mengimarahkan lagi majlis ini.



NFT BERSAMA KANAK-KANAK AUTISME

18 Mei: Melaka

Pasukan Poly Agropreneur Hidroponik NFT, PNS telah mengadakan Program Sehari Bersama Kanak-Kanak Istimewa (AUTISME), Persatuan Kebangsaan Autism Malaysia (NASOM) Melaka. Program ini disertai oleh 7 orang ahli Poly Agroprenur Hidroponik NFT dan 6 orang pensyarah Politeknik Nilai. Seramai 15 orang pelajar ‘Early Intervention Program’ Rumah Bestari Negeri Melaka dan 7 orang kakitangan dan sukarelawan Persatuan Kebangsaan Autism Malaysia (NASOM) Melaka telah diberikan taklimat, serta latihan asas teknologi hidroponik secara teori dan praktikal.

Program ini memberi pendedahan kepada mereka tentang teknik penanaman hidroponik 3T (Tanam, Tinggal dan Tuai) dan teknologi hidroponik NFT. Manakala pelajar dan pensyarah PNS telah diberikan penerangan berkenaan aktiviti dan peranan Rumah Bestari dan NASOM Melaka oleh Datin Nor Haya binti Sulaiman, Penyelaras NASOM Melaka.

Pasukan Poly Agropreneur Hidroponik NFT telah memberikan sumbangan berbentuk 2 set hidroponik 3T kepada Rumah Bestari Negeri Melaka sebagai sebahagian daripada aktiviti pembelajaran kanak-kanak istimewa ini.

NFT DI PUSAT BIMBINGAN REMAJA PUTERI RAUDHATUS SAKINAH

9 November: Selangor

Pasukan Poly Agropreneur Hidroponik NFT, PNS telah mengadakan Program CSR Poly Agropreneur Hidroponik NFT di Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah, Selangor pada 9 November 2016. Program ini disertai oleh 7 orang ahli Poly Agroprenur Hidroponik NFT dan 2 orang pensyarah PNS. Seramai 35 orang pelatih dan 4 orang kakitangan Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah telah diberikan taklimat SERTA latihan asas teknologi hidroponik secara teori dan praktikal.

Di dalam program ini, pelajar dan pensyarah PNS telah diberikan penerangan berkenaan aktiviti dan peranan Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah Selangor oleh Pengurus Pusat iaitu Puan Nurin. Manakala para pelatih dan kakitangan pusat ini telah diberi pendedahan dan bimbingan oleh pelajar Poly Agropreneur Hidroponik NFT tentang teknik penanaman teknologi hidroponik NFT.

Pasukan Poly Agropreneur Hidroponik NFT telah menyumbangkan 2 set hidroponik NFT kepada Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah, Selangor sebagai sebahagian daripada aktiviti para pelatih di sini.



SANTAI 'CAMP', 6-8 Disember: Nur Bukit Unggul Resort, Sepang, Selangor

Bertemakan "Santuni Anak, Teladani Akhlak Islam", program ini diadakan khas untuk anak-anak kakitangan PNS dan juga remaja komuniti Taman Tasik Bangi, Selangor. Seramai 40 orang anak komuniti Taman Tasik Bangi dan 10 orang anak kakitangan PNS yang berusia 12-16 tahun telah menyertai program ini. Seramai 20 orang fasilitator daripada kelab Pembimbing Rakan Siswa, PNS turut bersama menyertai program ini bagi mengeratkan lagi ukhwah. Aktiviti yang diadakan meliputi kerohanian, latihan dalam kumpulan dan juga 'family therapy'. Program berbentuk fizikal turut diadakan bagi mencabar daya tahan setiap para peserta. Program ini merupakan satu simbolik hubungan dua hala pihak politeknik dan komuniti luar.



SIRI JELAJAH SEKOLAH ANGKAT, 20-27 November: Negeri Sembilan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), PNS telah menganjurkan Siri Jelajah Sekolah Angkat selama hampir 2 minggu mulai 20 November 2016. Sebanyak 6 buah sekolah angkat terpilih di Negeri Sembilan telah mengikuti jelajah ini bertujuan untuk memberi maklumat dan pencerahan kepada pelajar berkaitan Politeknik Nilai dengan lebih dekat.

Golongan sasaran terdiri daripada para pelajar yang telah menduduki PT3. Taklimat ringkas berkaitan program-program yang ditawarkan diperingkat Politeknik telah disampaikan agar menjadi panduan kepada pelajar dalam menentukan hala tuju serta mendidik pelajar dalam pemilihan aliran yang sesuai bagi melanjutkan pelajaran di Tingkatan 4.

Aktiviti berbentuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK), taklimat kemasukan dan 'family therapy' telah dijalankan sepanjang siri jelajah ini.



PENGANTARA- BANGSAAN

Pengantarabangsaan merupakan salah satu agenda Politeknik dan selari dengan Teras kelima dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi yang menggariskan beberapa petunjuk kepada IPTA untuk meningkatkan dan memantapkan strategi pengantarabangsaan masing-masing. Politeknik Nilai tidak ketinggalan dalam apa jua aktiviti yang melibatkan pihak luar negara. Berikut adalah program-program pengantarabangsaan yang telah berlangsung di Politeknik Nilai sepanjang 2016:

- Lawatan pelajar-pelajar Universitas Bengkulu, Indonesia
- Lawatan Delegasi Kementerian Pelajaran Sri Lanka
- Lawatan Delegasi penanda arasan Universitas Trisakti, Indonesia
- Kejohanan taekwondo jemputan TM(wtf)-Nsc-milo-Sportexcel antarabangsa 2016
- Program Polytechnic Explore: Projek “APSARA” AIESEC
- Language Camp bersama Canterbury Christchurch University dan IPGTHO
- Lawatan penanda arasan ke Bangkok

FANTASTIC ENGLISH LANGUAGE CAMP 2016

21 - 22 Januari 2016

Politeknik Nilai dengan kerjasama program kolaborasi dan pengantarabangsaan antara Institut Perguruan Kampus Tun Hussein Onn dan Canterbury Christ Church University telah menganjurkan program ENGLISH LANGUAGE CAMP 2016 yang telah disertai seramai 194 pelajar Politeknik Nilai. Program ini telah dikendalikan oleh 7 orang guru pelatih dari Canterbury Christ Church University dan 15 orang guru pelatih dari IPGKTHO serta dibantu oleh 16 pensyarah-pensyarah daripada Jabatan Pengajian Am dan 9 fasilitator daripada English Youth Club Politeknik Nilai.

Program yang berjalan selama dua hari di Dewan Sri Putra Politeknik Nilai ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Menurut Ketua Jabatan Pengajian Am, Encik Megat Ahmad Murad Bin Megat Baharuddin tujuan program ini diadakan adalah sebagai laluan untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Program ini juga dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan politeknik dan juga menepati saranan Menteri KPT agar kesemua pelajar politeknik mampu bertutur dalam Bahasa Inggeris dan dalam masa yang sama memenuhi kehendak pasaran.

Aktiviti- aktiviti yang menarik yang telah disusun oleh guru-guru pelatih tersebut untuk menarik minat peseta dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar sekaligus menggalakkan mereka berinteraksi dan bekerja di dalam kumpulan.

Majlis penutup ENGLISH LANGUAGE CAMP 2016 telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Nilai, Dr. Siti Junaidah Binti M.Mujir. Semasa berucap beliau menyeru agar pelajar-pelajar memberi komitmen penyertaan kepada program-program Bahasa Inggeris akan diadnjurkan secara berterusan. Program ini diakhiri dengan upacara penyampaian sijil dan cenderahati oleh Dr. Siti Junaidah Binti M.Mujir.



LAWATAN PEGAWAI KEMENTERIAN PENDIDIKAN SRI LANKA KE POLITEKNIK NILAI

22 SEPTEMBER 2016

Seramai Sembilan orang pegawai dari kementerian Pelajaran Sri Lanka dan seorang pegawai Asian Development Bank telah mengunjungi ke Politeknik Nilai untuk lawatan penanda aras program Technology Education yang baru diperkenalkan di Sri Lanka. Wakil dari Malaysia yang mengetuai delegasi tersebut ialah Dr. Hj Zulkifli bin Zakaria dari Colombo Plan Staff College & Technician Education. Delegasi dari Sri Lanka pula diketuai oleh Cik B L D Balasuriya, Ketua Pengarah, kementerian Pelajaran, Sri Lanka manakala wakil dari KPT Malaysia pula ialah Tn Hj. Azizi bin Lin, yang mempengerusikan taklimat ringkas untuk delegasi tersebut. Selepas sesi taklimat dan soal jawab, delegasi dibawa melawat kemudahan-kemudahan yang terdapat di Politeknik Nilai, seperti Makmal Bioteknologi, bengkel Mekanikal, Bilik simulasi, Retail Simulation Mart, Pusat sumber dan bengkel Horltikultur.

Perkara yang diperbincangkan adalah tahap kompetensi asas, reka bentuk kurikulum, persijilan, peperiksaan, pengambilan pelajar, peluang melanjutkan pelajaran dan beberapa perkara lain yang berkaitan dengan pengajian tinggi di Malaysia.

Pihak delegasi dari Sri Lanka memberi maklumbalas bahawa Politeknik Nilai sememangnya pilihan yang tepat untuk tujuan penanda aras tersebut. Mereka berpuas hati dengan maklum balas yang mereka terima.

Secara tidak langsung Politeknik Nilai dan pihak KPTM juga mendapat input yang berguna hasil daripada perbincangan dua hala yang telah dijalankan. Besar kemungkinannya pihak Politeknik Nilai pula akan membuat lawatan balas ke Sri Lanka pada masa akan datang. InshaaAllah.



LAWATAN PENANDAARASAN DARI UNIVERSITAS TRISAKTI JAKARTA, INDONESIA, 17 NOVEMBER 2016

Politeknik Nilai, Negeri Sembilan telah menerima lawatan penandaarasan dari Universitas Trisakti Jakarta, Indonesia. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan serta input berkaitan kurikulum, proses pembelajaran serta kemahiran insaniah yang dijalankan di Politeknik Nilai khususnya dalam bidang Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.

Lawatan ini disertai oleh Dr. Lavlimatria Esyah yang merupakan Ketua Program Kewangan dan Perbankan Syariah, Universitas Trisakti, Jakarta, serta dua orang pensyarah iaitu Nur'aini Chaniago dan Deden Mishbahudin Muayyad.

Kehadiran tetamu disambut oleh Tuan Pengarah, En Mohamad Amin Bin Hamat serta diiringi oleh pensyarah-pensyarah dari Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Para delegasi dibawa melawat kawasan perpustakaan, Retail Simulation Mart (RSM), Bilik Technology Enable Collaborative Classroom (TECC) dan kawasan tanaman Poly Agropreneur Hidroponik NFT untuk melihat dengan lebih dekat suasana pembelajaran di politeknik.

Lawatan seperti ini dapat memberi satu pendedahan berkaitan dengan akademik dan perkongsian maklumat pendidikan antara dua negara serta dapat mengeratkan hubungan dengan institusi pendidikan di peringkat antarabangsa.



KEJOHANAN TAEKWONDO JEMPUTAN TM(WTF)-NSC-MILO-SPORTEXCEL ANTARABANGSA 2016

11- 13 NOVEMBER 2016

Kejohanan Taekwondo Jemputan TM(WTF)-NSC-MILO-SPORTEXCEL Antarabangsa 2016 telah berlangsung dengan jayanya pada 11 hingga 13 November 2016 bertempat di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Kejohanan anjuran Pusat Sukan PNS dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Persatuan Taekwondo Kebangsaan Malaysia ini telah menarik penyertaan seramai 700 orang peserta dari dalam dan luar negara mencakupi pasukan Kebangsaan, kelab-kelab Taekwondo Malaysia, Intitut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta individu. Seramai 110 orang atlet dan pegawai daripada 13 IPTA terlibat dalam menjayakan kejohanan tersebut. Majlis telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Dr. Saharudin bin Hj. Ismail, Setiausaha Bahagian Sukan, KPT. Kejohanan ini telah memperkenalkan sukan taekwondo dalam kalangan warga Politeknik dan IPTA bagi mengharumkan nama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam sukan Taekwondo. Ianya juga telah memperkasa dan memertabatkan sukan taekwondo Majlis Sukan Politeknik Malaysia di mata Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya dan negeri serta negara amnya.



Program Polytechnic Explore: Projek "APSARA" AIESEC

02 MEI - 12 JUN 2016



Program Polytechnic Explore yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Keusahawan Politeknik Malaysia (MPEC), Jabatan Pendidikan Politeknik, NADI Malaysia dan AIESEC Malaysia, merupakan sebuah program yang bertujuan menghubungkan para pelajar antarabangsa bagi melaksanakan kerja sukarela (volunteer) dan projek-projek service learning di negara-negara terlibat.

Empat orang pelajar Politeknik Nilai, Negeri Sembilan telah dipilih untuk mewakili Politeknik Malaysia serta menjadi duta Malaysia bagi menyertai Program International yang telah berlangsung di Kemboja, Vietnam, dan Indonesia dari 2 Mei 2016 hingga 12 Jun 2016. Mereka ialah Muhammad Zharif Asyran Bin Mohammed Alias yang menyertai Program 1 di Siem Reap, Kemboja; Nur Izni Binti Khairul Adznam, Program 2 di Medan, Indonesia; Pervinder Singh A/L Jagdav Singh, Program 3 di Phnom Penth, Kemboja dan Nurul Ainaa Nadhirah Binti Mohd Ishar yang menyertai Program 4 di Ho Chi Mint, Vietnam :

Program seperti ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan alam pekerjaan di negara-negara tersebut serta membuka minda pelajar agar tidak selalu berada di zon selesa mereka. Ini kerana pelajar dapat melihat sendiri situasi berkerja di negara asing dan keadaan hidup masyarakat berkenaan dan dapat mencetus keinginan membantu masyarakat negara tersebut di samping implikasikan apa yang dipelajari di negara. Pelajar juga dapat bekerjasama dengan pelajar-pelajar dari negara lain dan dapat mempelajari kemahiran berkomunikasi dengan berkesan.

Program "volunteer" atau kesukarelawan khususnya program antarabangsa seperti ini perlu diperluaskan kepada pelajar lain memandangkan ia dapat membentuk insan yang baik dan berguna yang dapat memainkan peranan di peringkat antarabangsa. Diharapkan program berimpak tinggi seperti ini akan dilaksanakan pada masa akan datang.

Program Kolaborasi Akademik Dan Teknologi Pusat Teknologi Bioteknologi Politeknik Nilai, Negeri Sembilan di Bangkok, Thailand

24 - 29 JULAI 2016



29 Julai 2016- Pada 24 sehingga 29 Julai 2016, satu program bagi mencapai hasrat kolaborasi bagi Pusat Teknologi (CoT) Bioteknologi Politeknik Nilai, Negeri Sembilan telah dilaksanakan di Bangkok, Thailand. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan CoT Bioteknologi PNS melalui jalinan kerjasama antarabangsa dalam pembangunan penyelidikan dan inovasi, expert exchange programme dan perkongsian teknologi. Antara tempat-tempat yang telah dilawati adalah The National Center for Genetic Engineering and Biotechnology (BIOTEC), The National Center for Nano Technology (NANOTEC), Halal Science Centre University of Chulalongkorn dan Medicinal Plant Garden, Suan Luang Rama 9 Park.

Kumpulan Penyelidik Politeknik Nilai ke InIIC 2/2016 dan AIREx 2016

8 DISEMBER 2016



Tiga penyelidik program Diploma Bioteknologi Politeknik Nilai telah memenangi pingat perak di International Invention & Innovative Competition (InIIC) siri 2/2016 yang diadakan pada 5 November 2016 di Puteri Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Pelajar yang memenangi pingat perak ini terdiri daripada Hong Xin Yu, Vickneish A/L Vimalanathan dan Fairus Shalini A/P Mathihalagan menerusi projek penyelidikan yang bertajuk Natural Powdered Multipurpose Cleaner Made From Local Lime Peel Waste. Penyelidikan bagi kumpulan ini dibimbing oleh Cik Lovely Shamini A/P Manoharan dari Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri, Politeknik Nilai. Kumpulan yang sama juga telah memenangi satu lagi pingat perak di 6th Apprentice Innovation & Research Exhibition 2016 yang diadakan pada 8 Disember 2016 di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET).

Festival Agro Makanan dan Bioteknologi 2016

04 OKTOBER 2016



Festival Agro Makanan dan Bioteknologi 2016 telah diadakan buat kali ke-2 di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Festival anjuran Bahagian Pembangunan Kurikulum JPP dan Jabatan Teknologi Makanan, POLISAS, Kuantan, Pahang ini adalah program tahunan yang menggabungkan penyertaan daripada Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri (JAB) serta Jabatan Teknologi Makanan; secara khususnya dan terbuka kepada umum. Antara aktiviti yang disertai JAB, PNS adalah pembentangan kertas kerja oleh pensyarah JAB, pameran keusahawanan yang menggabungkan inkubator-inkubator PNS dan Pertandingan Poster oleh pelajar projek akhir Diploma Bioteknologi. Politeknik Nilai telah berjaya merangkul 1 emas dan 2 perak bagi projek akhir berjudul *Development of Mushroom-based Film from Waste and Its Role in Mycoremediation* (pingat emas), *Effect of Soy Waste Compost On Chicken as Chicken Feed* (pingat perak) dan *Production of 100% Natural Lip Balm From Natural Dyes* (pingat perak).





RENTETAN SEPANJANG 2016

Kunjungan Hormat Deligasi Pengurusan Tertinggi Felda Wilayah Trolak ke Politeknik Nilai, 18 FEB

Kunjungan hormat oleh delegasi pengurusan tertinggi Felda Wilayah Trolak adalah ekoran dari termeterainya MoU di antara JMSK Politeknik Nilai dengan Majlis Belia Felda pada 14 Oktober 2014. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh pengurus besar Felda Wilayah Trolak Encik Haidir bersama 25 orang ketua bahagian dari 5 gugusan Felda yang terletak di bawah pengurusan Felda Wilayah Trolak Politeknik Nilai diwakili oleh TPA Dr. Junaidah , TPSA En. Wan Zulkifli serta ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua unit yang berkaitan. Pensyarah JMSK yang terlibat adalah Pn Norzarina, Pn Nurulazila, En Asseri dan En Hairul Hazam.

Pertemuan dan perbincangan diadakan di bilik mesyuarat Politeknik Nilai diikuti oleh lawatan ke tapak NFT, pusat semaihan JAB dan lawatan ke tapak penghasilan madu lebah kelulut.Kunjungan ini adalah bertujuan untuk mengenalpsati peluang kerjasama dan bantuan yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. 3 bidang utama telah dikenalpasti sebagai perintis dalam kerjasama adalah pendidikan, landskap dan salad NFT



Lawatan Rasmi Pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains Pertahanan dan Teknologi, UPNM



ASEAN TVET Conference, 25 – 26 September 2016 telah diadakan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS)



Polytechnic Co-Ordinator Officer, 2014 – 2016 Industrial Development Program (INDEP)



PUSAT TEKNOLOGI (CENTRE OF TECHNOLOGY)

Center of Food, Environment and Agriculture (coFEA) di Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri dibangunkan untuk menjadikan

Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS), institusi pendidikan yang mempunyai kepakaran dalam bidang tujuan bioteknologi.

Seiring dengan pelaksanaan transformasi politeknik yang berhasrat untuk melahirkan graduan yang mahir, berkualiti dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, maka coFEA ditubuhkan sebagai inisiatif untuk memperkasakan politeknik ke arah menjadikan ianya setanding dengan IPTA yang lain.

Tujuh elemen penting yang menjadi penentu kejayaan CoT ialah perkhidmatan kepakaran, penyelidikan dan inovasi, pengajaran dan pembelajaran, kolaborasi bersama komuniti dan industri, penerbitan, pengiktirafan dalam dan luar negara dan penjanajaan pendapatan. coFEA berharap dapat menjadi CoT yang diiktiraf komuniti dan industri di dalam dan luar negara dan seterusnya dapat menjadi pemangkin yang menyumbang ke arah mencapai matlamat negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan pemimpin TVET.

CeTED 2016, Politeknik Merlimau Melaka



ABSTRACT
Recently, extensive attention has been paid on the management of environmental pollution caused by hazardous pollutants such as heavy metals and various xenobiotic compounds. The objective of this study is to develop biodegradable film from mushroom waste of *Pluteus sajor-caju* (Mushfilm) and to investigate the ability of the biodegradable film in absorption of pollutant through mycoremediation. The strength of the film was determined using the Universal Tensile Machine. Comparing the biodegradable film with a control film and synthetic plastic in the soil based degradation test, the intensity of degradation was tested for all three types of film and the biodegradable film degraded at a rapid rate compared to control film while the synthetic plastic did not degrade at all. The sorption capacity of biofilm was tested and it is proven that the biofilm able to absorb ammonium sulphate at a significant rate. The batch bioassorption test was conducted according to optimum parameters including temperature, pH, contact time and biomass weight. The present data demonstrates the suitability of film from *Pluteus sajor-caju* waste as an efficient bioabsorbent for the removal of toxic heavy metals.

Keywords: biodegradable, *pluteus sajor-caju*, bioabsorption, film, mycoremediation.

INTRODUCTION
Biological approaches based on industrial and environmental biotechnology is focusing on the development of clean technologies which emphasizes on the maximum production, reduced waste generation, treatment and conversion of waste in some useful form. Further, these clean technologies focus on the use of biological methods for remediation of waste. One such biological method is mycoremediation. Mushrooms and other fungi which consist of enzymes can be used for the degradation of waste pollutants and therefore, can be another alternative to conventional methods have attracted research attention in the field of mushroom-based bioremediation. This article is published to emphasize the role of mushrooms in the remediation of wastes.

Airex Competition



FAMB 2016 POLISAS Kuantan



InIIC Competition



Lawatan COT ke Bangkok



SCOPERT-JAKIM-COT





SIDANG REDAKSI

